

The *Muhaddithūn*'s Thoughts on The Primordality of the Light of Muḥammad (*Awwalīyyat al-Nūr al-Muḥammadī*)

Mohd Iqbal bin Parjin[♣]
albait786@yahoo.com

Mohd Hilmi bin Ramli[♣]
mohdhilmi@utm.my

DOI: <https://doi.org/10.56389/tafhim.voll9no1.6>

Abstract

The doctrine of the precedence and primordality of *Nūr Muḥammad* (*awwalīyyat al-nūr al-Muḥammadī*), that is, it being the first of God's creation, is a significant doctrine among the *Ṣūfīs*. However, it is not confined within their purview; rather, it is also a subject of rigorous deliberation among *muhaddithūn* (the scholars of *ḥadīth*). Despite being accepted and established among the *Ṣūfīs*, some still argue that this doctrine is merely a fabrication of the *Ṣūfīs* without any textual basis. Against this context, this article explores the discourse of the *muhaddithūn* on *awwalīyyat al-nūr al-Muḥammadī*. For this purpose, this article employs textual and conceptual analyses of authoritative works among the *muhaddithūn* to demonstrate that the *Ṣūfīs* are not alone in upholding the doctrine of *awwalīyyat al-nūr al-Muḥammadī*; instead, their conceding of this concept is affirmed and substantiated by numerous esteemed *muhaddithūn*, whose genuine understanding is supported by numerous *ḥadīths*.

Keywords:

Awwalīyyat al-Nūr al-Muḥammadī, *Nūr Muḥammad*, *muhaddithūn*, *ḥadīth*, *Ṣūfī*, *taṣawwuf*, first creation (*awwal al-khalq*).

Article history:

Submission date: 26/3/2025

Received in revised form: 6/10/2025

Acceptance date: 18/2/2026

Available online: 26/6/2026

Funding:

This research received no specific grant from any funding agency in the public, commercial, or not-for-profit sectors.

Conflict of interest:

The authors have declared that no competing interest exists.

Cite as:

Mohd Iqbal bin Parjin and Mohd Hilmi bin Ramli, "The *Muhaddithūn*'s Thoughts on The Primordality of the Light of Muḥammad (*Awwalīyyat al-Nūr al-Muḥammadī*)," *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World* 19, No. 1 (June 2026): 103–130.

-
- ♣ PhD graduate at the Raja Zarith Sofiah Centre for Advanced Studies on Islam, Science, and Civilisation (RZS-CASIS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM). The author contributed to identifying the scholars of *ḥadīth*, or *muhaddithūn*, and their perspectives regarding the primordality and central role of *Nūr Muḥammad*.
 - ♣ Director and Senior Lecturer at RZS-CASIS, UTM. He contributed by framing the discourse of *Nūr Muḥammad* within the framework of ontological discussions as understood by the *Ṣūfīs* in particular, and by analysing key terms of the discourse, such as *nūr*, *Muḥammad*, and *fikr*.

Pemikiran Ahli Hadis (*al-Muḥaddithūn*) Berkenaan Keawalan *Nūr Muḥammad* (*Awḥaliyyat al-Nūr al-Muḥammadi*)

Mohd Iqbal bin Parjin*
albait786@yahoo.com

Mohd Hilmi bin Ramli*
mohdhilmi@utm.my

DOI: <https://doi.org/10.56389/tafhim.vol19no1.6>

Abstrak

Doktrin bahawa *Nūr Muḥammad* ialah kejadian terawal ciptaan Allah (*awḥaliyyat al-nūr al-Muḥammadi*) merupakan sebuah doktrin yang penting dalam kalangan *Ṣūfī*. Meskipun demikian, perbincangan berkenaan doktrin ini tidak hanya berlegar dalam kalangan mereka, tetapi turut menjadi mauduk perbincangan para *muḥaddithūn*. Meskipun doktrin ini telah lama diterima oleh para *Ṣūfī*, terdapat segelintir pihak yang mendakwa bahawa doktrin ini hanyalah dongengan para *Ṣūfī* yang tidak bersandarkan dalil. Justeru, makalah ini mengkaji perbincangan para *muḥaddithūn* berkenaan *awḥaliyyat al-nūr al-Muḥammadi*. Bagi tujuan tersebut, makalah ini menggunakan kaedah analisis tekstual dan konseptual berdasarkan sumber-sumber berwibawa dalam kalangan *muḥaddithūn* bagi membuktikan bahawa para *Ṣūfī* tidak bersendirian dalam berpegang kepada doktrin *awḥaliyyat al-nūr al-Muḥammadi*, bahkan penerimaan mereka disahihkan dan diperkukuh lagi oleh ramai *muḥaddithūn* muktabar, dan kefahaman mereka adalah bersandarkan kepada banyak *ḥadīth*.

Kata Kunci:

Awḥaliyyat al-Nūr al-Muḥammadi, *Nūr Muḥammad*, *muḥaddithūn*, *ḥadīth*, *Ṣūfī*, *taṣawwuf*, ciptaan pertama (*awḥal al-khalq*).

Rekod Artikel:

Tarikh hantaran: 26/3/2025
Serahan penambahbaikan: 6/10/2025
Tarikh terima: 18/2/2026
Tersedia dalam talian: 24/6/2026

Pendanaan:

Kajian ini tidak menerima sebarang dana daripada sebarang badan dana sama ada daripada sektor awam komersial, atau pertubuhan tidak berasaskan keuntungan.

Konflik kepentingan:

Penulis telah memaklumkan bahawa tidak terdapat sebarang konflik kepentingan dengan mana-mana pihak.

Sitasi:

Mohd Iqbal bin Parjin dan Mohd Hilmi bin Ramli, "Pemikiran Ahli Hadis (*Muḥaddithūn*) Berkenaan Keawalan *Nūr Muḥammad* (*Awḥaliyyat al-Nūr al-Muḥammadi*)," *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World* 19, No. 1 (Jun 2026): 103–130.

-
- ♣ Lulusan Doktor Falsafah di Pusat Kajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban Raja Zarith Sofiah (RZS CASIS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Penulis menyumbang dalam mengenalpasti ahli hadis dan pandangan mereka berkenaan keawalan dan keindukan *Nūr Muḥammad*.
 - ♦ Pengarah dan Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban Raja Zarith Sofiah (RZS CASIS), UTM. Penulis menyumbang dalam meletakkan wacana *Nūr Muḥammad* dalam kerangka perbincangan ontologi yang difahami oleh ahli *Ṣūfī* khususnya dan menganalisis istilah kunci perbincangan, seperti *nūr*, *Muḥammad* dan *fikr*.

Pendahuluan

Para *Ṣūfī* merupakan segolongan pemikir Islam yang menjalankan kegiatan pemikiran mereka pada aras tinggi. Perbincangan para *Ṣūfī* mencerminkan keilmuan yang saintifik dan sistematik dalam ungkapan berhubung konsep-konsep dan istilah-istilah utama mereka. Mereka menggunakan daya akal yang tinggi, dipandu oleh ilham daripada Allah untuk menggarap hakikat. Seiring dengan perbincangan mereka yang kompleks, para *Ṣūfī* mengusulkan istilah-istilah baharu berdasarkan lafaz-lafaz yang terdapat dalam al-Qur'an dan *ḥadīth*—misalnya *al-aṣṣān al-thābitah*, *al-insān al-kāmil*, *al-ḥaqīqah al-muḥammadiyyah* dan lain-lain. Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas, para *Ṣūfī* tersebut dikenali sebagai wakil pemikir Islam (*representative of Islamic thoughts*), kerana pengkaedahan perbincangan mereka bersifat tauhid, atau bersepadu—tanpa memberatkan kaedah tertentu dan mengabaikan yang lain—khususnya dalam lapangan ontologi (*al-wujūdīyah*).¹ Terdapat persamaan antara perbincangan ontologi oleh para *Ṣūfī* dengan ahli falsafah (*Falāsifah*) dan ahli kalam (*mutakallimūn*), namun perbezaan antara ketiga-tiga aliran tersebut dapat diperhatikan pada aspek epistemologinya.²

Dalam konteks ini, doktrin *Nūr Muḥammad* dan keawalannya (*awwāliyyat al-nūr al-Muḥammadi*) merupakan antara perbincangan terpenting dalam kalangan ahli *Ṣūfī*. Mereka membincangkan doktrin ini untuk menjelaskan keawalan dan keindukan ciptaan oleh Allah. Selain itu, perbincangan mereka juga dilaksanakan secara terbuka dan ilmiah dalam banyak karya. Misalnya, dalam *Al-Ta'arruf li-Madhhab Ahl al-Taṣawwuf*, Abū Bakr al-Kalābādī (m. 994 M) menyebutkan bahawa tujuan para *Ṣūfī* membahaskan konsep-konsep *taṣawwūf* ini, termasuk *Nūr Muḥammad*, adalah agar masyarakat terpelajar dapat mengkaji kebenarannya.³ Terdapat beberapa kritikan terhadap faham *Nūr Muḥammad* dan *awwāliyyat al-nūr al-Muḥammadi*, dan kebanyakan kritikan tersebut berputar sekitar status sepotong *ḥadīth* yang diriwayatkan oleh 'Abd al-Razzāq daripada Jābir ibn 'Abd Allāh. Hadis tersebut berbunyi:

1. Ahli *Ṣūfī* sebenar dikenali sebagai wakil pemikiran Islam kerana kajian mereka menyentuh hal kewujudan khususnya *wajīb al-wujūd* atau *wujūd ḥaqīqī*—iaitu Allah. Selain para *Ṣūfī*, para ahli falsafah dan ahli *kalām* juga tergolong sebagai wakil pemikiran Islam. Rujuk Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Prolegomena to the Metaphysics of Islam* (Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), 1995), 3. Berkenaan pengistilahan dan penamaan bidang-bidang ilmu dalam tradisi keilmuan Islam, rujuk Alparslan Açıkgöç, *Islamic Scientific Tradition in History* (Kuala Lumpur: Penerbit IKIM, 2014), 89–93.
2. Sebagai contoh, sebahagian ahli *Sūfī* memandang hakikat *ḥadrah ilāhiyyah* sebagai *al-aṣṣān al-thābitah*, manakala ahli falsafah pula memahaminya sebagai *al-māhiyāt*. Rujuk Dāwūd al-Qayṣarī, *Sharḥ Fuṣūṣ al-Hikam*, peny. Ḥassan Ḥassan Zādhī al-Amālī, 2 jil. (Qum: Mū'assasat Būstān Kitāb, 1387H), 1:81.
3. Abū Bakr al-Kalābādī, *The Doctrine of the Sūfis* (Al-Ta'arruf li-Madhhab Ahl al-Taṣawwuf), terj. A. J. Arberry (Cambridge: Cambridge University Press, 1935), 34.

Jābir *radiya Allāhu ‘anhu* berkata, “Aku bertanya kepada Rasulullah *sallā Allāh ‘alayhi wa-sallam* tentang perkara pertama yang diciptakan oleh Allah sebelum segala-galanya. Lalu baginda menjawab: ‘[Perkara tersebut] ialah *Nūr* Nabimu, wahai Jābir (*awwalu mā khalaqa Allāh nūr nabiyika*).’”⁴

Antara yang mengkritik keras ialah Zakī Mubāarak dalam bukunya berjudul *Al-Taṣawwuf al-Islāmī fī al-Adab wa al-Akhlāq*⁵ dan Abdulfatah Haron dalam bukunya berjudul *Ahli Sunnah dan Wujudiyah-Batiniah*.⁶ Namun demikian, makalah ini tidak akan menyentuh perbincangan berkenaan status *ḥadīth* di atas; sebaliknya, perhatian akan diberikan kepada hujah-hujah daripada sumber lain yang lebih asasi, iaitu al-Qur’an dan *ḥadīth*, yang menyentuh baik secara langsung mahupun tidak perihal *Nūr Muḥammad* dan keawalannya.

Takrifan *Nūr Muḥammad*

Menurut Ibn Manzūr (m. 1312 M) dalam *Lisān al-‘Arab*, *nūr* (jamak: *anwār* atau *nūrān*) bermakna cahaya (*al-diyā’*), dan lawannya ialah kegelapan (*al-zulmah*). *Nūr* merangkumi pelbagai bentuk cahaya.⁷ Dalam *Muḥammas Maqāyīs al-Lughah*, Abū al-Ḥusayn (m. 1004 M) menjelaskan bahawa huruf akar kalimah *nūr* ialah *nūn-waw-rā’* dan merujuk kepada sesuatu yang terang-benderang, berubah-ubah dan tidak tetap. Daripada huruf akar ini kalimah *nūr* dan *nār* lahir, kedua-duanya

4. Beberapa *muhaddithūn* seperti al-Qastallānī, Ibn Hajar al-Haytamī, al-Mullā ‘Alī al-Qārī, dan ‘Abd al-Hayy al-Laknawī menyatakan bahawa Hadis Jābir terkandung dalam *Muṣannaf ‘Abd al-Razzāq*. Namun demikian, hadis tersebut masih belum ditemui dalam naskhah *Muṣannaf* yang sedia ada sehingga kini. Walaupun begitu, para *muhaddithūn* tetap membahaskan status hadis tersebut dan berbeza pandangan berkenaan; sebahagian menerimanya sebagai *maqbul*, manakala yang lain menilainya sebagai *mawdu‘*; *lā aṣla lahū, da ḥf*, atau mengambil pendirian *tawaqquf*. Ketiadaan kesepakatan (*ijmā‘*) ini mendorong kajian ini untuk memberikan tumpuan kepada riwayat-riwayat lain yang lebih kukuh sebagai sandaran hujah. Perlu ditegaskan bahawa kewujudan riwayat Hadis Jābir tidak hanya bergantung kepada *Muṣannaf ‘Abd al-Razzāq*. Terdapat penemuan manuskrip terbaharu di Maghribi berjudul *Talqīh al-Uqūl fī Fadā’il al-Rasūl* karya Imām Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Muḥammad al-Tamīmī al-Baṣrī (w. sekitar 565 H/1170 M) yang memuatkan riwayat lengkap hadis tersebut dengan sanad yang berbeza. Manuskrip ini telah diterbitkan pada tahun 2012 oleh al-Rābiṭah al-Muḥammadiyah li al-‘Ulamā’, Rabat, Maghribi. Lihat Ahmad ibn Muḥammad al-Qastallānī, *Al-Mawāhib al-Ladunniyah bi al-Minah al-Muḥammadiyah*, 4 jil. (Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 2004), 1:66–75; Ibn Hajar al-Haytamī, *Ashraf al-Wasā’il fī Fahm al-Shamā’il* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1998), 36; al-Mullā ‘Alī al-Qārī, “Al-Mawrid al-Rāwī,” dalam *Majmū‘ Rasā’il al-‘Allāmah al-Mullā ‘Alī al-Qārī*, 8 jil. (Istanbul: Dār al-Lubāb, 2016), 5:395; dan ‘Abd al-Hayy al-Laknawī, *Al-Āthār al-Marfū‘ah fī al-Akhhār al-Mawdu‘ah* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1984), 42.
5. Zakī Mubāarak, *Al-Taṣawwuf al-Islāmī fī al-Adab wa al-Akhlāq* (Kaherah: Maṭba‘at al-Risālah, 1938), 269–282.
6. Abdulfatah Haron, *Ahli Sunnah dan Wujudiyah-Batiniah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018).
7. Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, 15 jil. (Beirut: Dār al-Sādir, 1883), jil. 5, s.v. “*nūr*.”

dinamakan sedemikian lantaran sifat terang dan gerakannya yang melintas dengan pantas, dan dengan demikian kelihatan seperti berubah-ubah dan tidak tetap.⁸

Al-Rāghib al-Iṣfahānī (m. 1108 M) pula mengajukan pandangan bahawa *nūr* merupakan pancaran yang menyinari dan membantu penglihatan. Pancaran itu pula terbahagi kepada dua jenis, iaitu: yang bersifat duniawi (*dunyāwī*) dan ukhrawi (*ukhrāwī*). Pancaran duniawi pula terbahagi kepada dua jenis, iaitu: pertama, pancaran duniawi yang bersifat rohani, yakni apa-apa sahaja yang terpancar daripada hal-hal yang bersifat ketuhanan seperti cahaya akal dan al-Qur'an; dan, kedua, pancaran duniawi yang dapat dicerap oleh penglihatan, iaitu yang terpancar daripada objek-objek yang bersinar seperti bulan, matahari, bintang-bintang dan lain-lain.⁹ Dalam *al-Muḥam al-Wasīl* pula, *nūr* ditakrifkan sebagai “pancaran sinaran dan juga sifat terang itu sendiri, yakni sesuatu yang jelas serta menjadikan perkara-perkara lain jelas kelihatan serta memperlihatkan segala penglihatan kepada hakikat sesuatu” (*al-daw' wa suṭū'uhu mā yubayyin al-ashyā' wa yurī al-absār haqīqatahā*).¹⁰ Berdasarkan sejumlah pengertian *nūr* di atas, dapat difahami bahawa *nūr* bermaksud cahaya, baik yang bersifat fizikal-inderawi mahupun metafizikal-rohani.

Beralih kepada makna *nūr* sebagai suatu istilah teknikal dalam *taṣawwuf*, Abū Ḥāmid al-Ghazālī (m. 1111 M) menerangkan bahawa kalimah *nūr* memiliki sekurang-kurangnya tiga pengertian yang berbeza menurut golongan-golongan tertentu: iaitu orang awam (*al-ʿawwām*), orang-orang khusus (*khawwās*) dan orang-orang yang paling khusus (*khawwās al-khawwās*). Menurut golongan pertama, *nūr* ialah *al-zuhūr*, iaitu cahaya zahir dan nyata yang dicerap oleh deria penglihatan.¹¹ Menurut golongan kedua pula, *nūr* ialah *al-idrāk*, iaitu cahaya yang menyingkap hakikat dan menjelaskan makna. Pada peringkat ini, cahaya membawa makna ilmu, akal dan wahyu. Maka, *nūr* ialah cahaya batin yang menyingkap makna dan membolehkan seseorang untuk memahami serta melihat hakikat sesuatu dengan roh dan hati, bukan hanya dengan penglihatan zahir.¹² Menurut golongan ketiga, *nūr* ialah cahaya hakiki yang merujuk kepada Allah sahaja, manakala penggunaan istilah *nūr* bagi merujuk kepada selain Allah merupakan kiasan (*al-majāzī*) dan pinjaman (*isti'ārah*) sahaja.¹³ Dalam

8. Abū al-Husayn Aḥmad ibn Fāris ibn Zakariyyā, *Muḥam Maqāyīs al-Lughah* (Beirut: Dār Iḥyā al-Turāth al-ʿArabī, 2001), s.v. “*nūr*.”

9. Al-Rāghib al-Iṣfahānī, *Mufradāt Alfāz al-Qurʿan* (Damsyik: Dār al-Qalam, 1992), 827.

10. Ibrāhīm Anīs, *Al-Muḥam al-Wasīl* (Kaherah: Maktabat al-Shurūq al-Dawliyyah, 2004), 962.

11. Abū Ḥāmid al-Ghazālī, *Mishkāt al-Anwār* (Beirut: ʿĀlam al-Kutub, 1986), 119.

12. *Ibid.*, 121.

13. *Ibid.*, 137.

al-Qurʿan, kalimah *nūr* merujuk kepada Allah,¹⁴ Nabi Muhammad,¹⁵ al-Qurʿan,¹⁶ agama Islam,¹⁷ iman¹⁸ dan hidayah yang dibawa oleh Nabi Muhammad.¹⁹ Setiap makhluk yang disebut sebagai *nūr* ini menerima nisbah cahaya kerana sifat masing-masing yang terang lagi menerangi (*ẓāhir wa-muẓhir*), termasuk diri Nabi Muhammad SAW itu sendiri.²⁰

Istilah kedua pula ialah “Muhammad.” Dari segi bahasa, “Muhammad” merujuk kepada seorang yang banyak menerima pujian, baik di dunia mahupun di akhirat.²¹ Dari segi istilah, “Muhammad” merujuk kepada nama khusus bagi seorang Rasul terakhir yang diutuskan buat seluruh manusia. Menurut takrifan para *Ṣūfī*, “Muhammad” ialah insan yang menjadi *ʿayn al-wujūd*, iaitu yang kewujudannya menjadi sumber kewujudan segala sesuatu, sementara para Nabi yang mendahuluinya berperanan sebagai pengganti dan pembantu Baginda.²²

Berdasarkan penjelasan di atas, padanan *nūr* dan *Muhammad* bukanlah sesuatu yang asing dan tidak munasabah. Istilah-istilah lain untuk merujuk kepada *Nūr Muhammad* ialah *al-haqīqah al-muhammadiyah* dan *rūh Muhammad*.²³ Menurut al-Nabhānī, doktrin *Nūr Muhammad* dapat difahami dari tiga aspek utama: pertama, *nūr* merupakan ciri khusus dan unsur terutama pada diri Rasulullah, baik secara zahir mahupun secara batin, tanpa menafikan unsur-unsur lain yang terdapat pada diri Baginda; kedua, *Nūr Muhammad* merupakan ciptaan Allah yang pertama di seluruh alam raya; dan ketiga, *Nūr Muhammad* merupakan induk bagi sekalian alam dan menerusnya alam mendapat kewujudan—jika bukan kerana Baginda, maka alam ini tidak akan tercipta.²⁴ Dengan kata lain, menurut pengistilahan para *Ṣūfī*, *Nūr Muhammad* bukan sekadar merujuk kepada Rasulullah SAW sebagai seorang manusia (*bashar*) yang telah dilahirkan di Makkah pada kurun ketujuh Masihi, tetapi juga kepada hakikat diri Baginda, iaitu *rūḥnya*.

14. *Sūrat al-Nūr* (24):35.

15. *Sūrat al-Māʿidah* (5):15.

16. *Sūrat al-Aʿraf* (7):157.

17. *Sūrat al-Tawbah* (9):32.

18. *Sūrat al-Hadīd* (57):12.

19. *Sūrat al-Nūr* (24):35.

20. Rujuk al-Tahānawī, *Kashshāf Iṣṭilāḥāt al-Funūn wa al-Ulūm*, jil. 2 (Beirut: Maktabat Lubnān Nāshirūn, 1996), s.v. “*nūr*.”

21. Ibn Manzūr, *Lisān al-ʿArab*, jil. 3, s.v. “*Muhammad*.”

22. Muhammad Amīn al-Kurdī, *Tanwīr al-Qulūb fī Muʿāmalat Ulūm al-Ghuyūb* (Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, 1995), 17.

23. Mullā ʿAlī al-Qārī, *Sharḥ al-Burdah li al-Buṣayrī* (Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, 2017), 449.

24. Yūsuf ibn Ismāʿīl al-Nabhānī, *Al-Anwār al-Muhammadiyah min al-Mawāhib al-Laduniyyah* (Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, 2009), 8.

Berbanding wakil-wakil pemikiran Islam yang lain, penekanan para *Ṣūfī* berhubung faham *Nūr Muḥammad* dan keawalannya adalah lebih berat. Hal ini adalah kerana faham ini amat berkait rapat dengan perjalanan rohani seseorang menuju Allah (*al-sulūk ilā Allāh*) yang menjadi tumpuan bidang *taṣawwuf*. Seorang penempuh jalan rohani (*sālik*) memerlukan cahaya batin ini untuk menerangi hati (*qalb*) agar dapat mengenali Allah (*maʿrifat Allāh*). Berkenaan hal ini, Aḥmad al-Ṣāwī (m. 1826 M) mentafsirkan *Sūrat al-Aḥzāb* (33):56: “Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad)...” sebagai dalil kepentingan faham *Nūr Muḥammad* dalam menjalani *sulūk*. Menurut beliau, ayat ini menunjukkan bahawa Rasulullah SAW merupakan tempat khusus yang padanya rahmat Ilahi dizahirkan (*mazhar mahbat al-rahmāt*). Selain itu, Baginda juga merupakan “pintu Allah” (*bāb Allāh*); barang siapa yang berhajat untuk menuju Allah tanpa melalui Baginda tidak akan sampai kepada-Nya.²⁵ Al-Ṣāwī juga menyatakan bahawa Nabi Muḥammad SAW digelar *nūr* kerana melalui Baginda, dengan izin Allah, mata-mata manusia diterangi cahaya untuk melihat alam ini, dan hati manusia memperoleh cahaya hidayah di jalan yang lurus. Selain itu, hakikat diri Nabi Muḥammad SAW juga menjadi cahaya asal yang berperanan sebagai sumber bagi segala jenis cahaya, baik di alam jasmani mahupun di alam rohani.²⁶

***Nūr Muḥammad* dalam Pemikiran Muḥaddithūn**

Gelaran *al-muḥaddithūn* merujuk kepada para ulama muktabar yang mendalami bidang *ʿilm al-rivāyah* dan *ʿilm al-dirāyah* serta memberikan sumbangan yang penting dalam bidang *ḥadīth*.²⁷ *Al-muḥaddithūn*, juga dikenali sebagai *al-mufakkir*, merujuk kepada para ilmuwan yang membahaskan persoalan metafizik, *kalām* dan falsafah, iaitu bidang-bidang utama para *Ṣūfī*, *mutakallimūn* dan *ḥukāmā* yang juga pakar dalam bidang *ḥadīth*. Mereka tidak sekadar menukulkan *ḥadīth*, bahkan meluangkan masa dan daya fikir untuk merenung persoalan-persoalan besar metafizik. Fikir atau *al-fikr* merupakan suatu kegiatan yang tidak terbatas sekadar kegiatan rasional semata-mata, sebaliknya memiliki sisi kerohanian juga. Menurut al-Attas, kegiatan fikir ialah “pergerakan diri menuju makna” (*the movement of the soul towards meaning*). “Diri” (*soul*) yang dimaksudkan ialah *ruh* yang berfungsi sebagai *qalb*, iaitu tempat yang padanya

25. Aḥmad al-Ṣāwī, *Hāshiyat al-Ṣāwī ‘alā Tafṣīr al-Jalālayn*, 4 jil. (Beirut: Dār al-Jil, t.t.), 3:268.

26. *Ibid.*, 1:258.

27. Nūr al-Dīn ‘Itr, *Manhaj al-Naqd fī ‘Ulūm al-Ḥadīth* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1979), 76.

Allah meletakkan ilmu.²⁸ Oleh itu, pemikiran para *muhaddithūn* merujuk kepada pergerakan jiwa mereka menuju makna dalam mentafsir dan mentakwilkan sumber-sumber al-Qur'an dan *hadīth* berkenaan *Nūr Muḥammad*.

Bermula dengan Abū al-Qāsim 'Abd al-Raḥmān ibn Muḥammad al-Bakrī al-Ṣiqillī al-Mālikī²⁹ (m. 990 M) dalam *Al-Dalālah 'alā Allāh* yang menjelaskan:

Sesungguhnya Allah tidak menjadikan makhluk yang lebih dicintai oleh-Nya selain umat ini; dan tidak ada yang lebih mulia berbanding Nabi-Nya, kemudian para nabi selepas Baginda, kemudian para *ṣiddīqīn*, kemudian para *awliyā'* yang terpilih. Dengan demikian, sesungguhnya Allah telah menjadikan *Nūr Muḥammad* sebelum Adam diciptakan, selama dua ribu tahun, dalam bentuk tiang di hadapan Arash-Nya, yang bertasbih kepada Allah dan menyucikan-Nya. Kemudian Dia menciptakan Adam *'alayhi al-salām* daripada *Nūr Muḥammad*, dan dijadikan-Nya *nūr* para Nabi daripada *Nūr Ādam*.³⁰

Abū Sa'd al-Naysabūrī³¹ (m. 1015 M) dalam *Sharaf al-Muṣṭafā* telah menengahkan dan membincangkan pelbagai *hadīth* berkenaan *Nūr Muḥammad* dan keawalannya dengan terperinci. Antaranya ialah riwayat 'Abdullāh ibn Mubārak daripada Sufyān al-Thawrī daripada Imām Ja'far al-Ṣādiq daripada Muḥammad al-Bāqir daripada 'Alī Zayn al-'Abidīn daripada Ḥusayn daripada 'Alī bin Abī Ṭālib bahawa beliau berkata:

-
28. Al-Attas, *Islām and The Philosophy of Science* (Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), 1989), 16. Lihat juga Muhammad Zainiy Uthman, "Al-Attas on Action, Thinking Framework, and the Human Soul," dan Mohd Hilmi Ramli, "Thinking (*al-Fikr*) and Its Function," dalam *Thinking Framework*, peny. Muhammad Zainiy Uthman, Suleiman Boayo dan Mohd Hilmi Ramli (Kuala Lumpur: RZS-CASIS, 2020), 7–44 dan 103–146.
29. Beliau merupakan seorang ulama hadis, fiqh, usul fiqh dan tasawwuf. Beliau pernah berguru dengan Abū al-Hasan bin Masrūr al-Dabbāgh. Antara karyanya yang lain ialah *Al-Ānwār fī 'Ilm al-Asrār, Sifat al-Awliyā' wa Marātib al-Asfīyā'* dan *Jāmi' al-Dīyānah*. Lihat Muḥammad bin Muḥammad Makhluḥ, *Shajarat al-Nūr al-Ḥaqīqiyah fī Ṭabaqāt al-Mālikīyah* (Kaherah: al-Maṭba'ah al-Salafīyah, 1931), 98.
30. Abū al-Qāsim 'Abd al-Raḥmān ibn Muḥammad al-Bakrī al-Ṣiqillī al-Mālikī, *Al-Dalālah 'alā Allāh* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2001), 55. Riwayat ini juga dinukilkan oleh Muḥammad ibn al-Hajj al-'Abdārī al-Fāsī al-Mālikī (m. 1336 M) dalam *Al-Madkhal*, jil. 2 (Kaherah: Maktabat Dār al-Turāth), 30; dan Ibrāhīm al-Bājūrī dalam *Tuhfat al-Bashar 'alā Mawlid Ibn Ḥajar al-Haytamī* (Kaherah: Kashidah li al-Nashr wa al-Tawzī', 2021), 25.
31. Nama penuhnya ialah Abū Sa'd 'Abd al-Mālik bin Muḥammad al-Kharkūshī al-Naysabūrī. Beliau mengembara ke Hijaz, Iraq dan Mesir untuk pengajiannya di bawah didikan ramai guru, antaranya ialah Abū Bakr al-Qaffāl al-Shāfi'ī, Abū Sahl al-Isfarāyīni Su'lukī, Abū Bakr al-Jurjānī, Abū Ishāq al-Asbahānī dan lain-lain. Antara murid beliau ialah al-Hākim, pengarang *al-Mustadrak*; al-Bayhaqī, pengarang *al-Dalā'il*; dan al-Qushayrī, pengarang *al-Risālah*. Antara karya beliau yang lain ialah *al-Bishārah wa al-Nadhārah, Siyar al-Ubbād wa al-Zuhhād* dan *Dalā'il al-Nubuwwah*. Biografi beliau telah dikarang oleh ramai ulama. Antaranya ialah al-Dhahabī dalam *Siyar al-A'ālam al-Nubalā'*; al-Khaṭīb al-Baghdādī dalam *Tārīkh Baghdād* dan Ibn 'Asākir dalam *Tārīkh Dimashq*.

Sesungguhnya Allah Ta‘ālā telah menciptakan *Nūr Muḥammad* sebelum Dia menciptakan langit, bumi, *‘Arsh*, *Kursī*, *Qalam*, Syurga dan Neraka, dan sebelum penciptaan Adam, Nūh, Ibrāhīm, Ismā‘īl, Ishāq, Ya‘qūb, Mūsā, ‘Isā, Sulaymān dan Dawūd *‘alayhim al-ṣalāh wa al-salām*.³²

Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad al-Tamīmī al-Baṣrī (1100–1170 M) pula meriwayatkan *ḥadīth Jābir* dalam *Talqīh al-Uqūl fī Fadā’īl al-Rasūl*. Menariknya, riwayat al-Baṣrī mirip dengan *ḥadīth Jābir* yang terkandung dalam *Muṣannaf ‘Abd al-Razzāq*. *Ḥadīth* tersebut adalah seperti berikut:

Abū ‘Abd Allāh Muḥammad ibn Muḥammad ibn Muḥammad al-Tamīmī al-Baṣrī menerima riwayat *ḥadīth* tersebut daripada gurunya, Abū al-Qāsim ‘Abd al-Mālīk ibn ‘Alī daripada ‘Alī ibn Hārūn daripada Abū Bakr Muḥammad ibn al-Ḥasan ibn Sulaymān al-Qazwānī daripada ‘Alī ibn Ja‘far al-Farghānī daripada Ibrāhīm ibn ‘Alī al-Ma‘arrī daripada Muḥammad ibn ‘Abd Allāh ibn ‘Ilāthah daripada Ja‘far al-Sādiq daripada Muḥammad al-Bāqir daripada Sayyidinā Jābir ibn ‘Abd Allāh, beliau berkata: “Aku pernah bertanya kepada Rasulullah, aku berkata, ‘Ya Rasulullah, apakah ciptaan pertama yang Allah ciptakan?’ Baginda menjawab, ‘Allah menjadikan cahaya Nabimu dua ribu tahun sebelum Dia menciptakan para Nabi yang lain. Cahaya itu berada dalam jagaan *qudrāh*. Apabila sampai ke wilayah Keagungan (*al-‘azamah*), ia bersujud. Maka, asal-usul sujud itu adalah daripada cahaya tersebut. Kemudian Allah membahagikan cahaya itu kepada empat bahagian. Bahagian pertama menjadi cahaya *‘Arsh*, bahagian kedua ialah cahaya *al-Qalam* yang menulis selama empat ribu tahun sehingga menulis syahadah: “Tiada Tuhan melainkan Allah, dan Muḥammad ialah Utusan Allah.” Bahagian ketiga diperuntukkan oleh Allah buat syurga, manakala bahagian keempat dibahagikan lagi kepada empat bahagian. Daripada bahagian pertama—yang paling terunggul, mulia, bercahaya dan sempurna—Allah

32. Riwayat tersebut menyebut bahawa ketika Nabi Adam *‘alayhi al-salām* (AS) diciptakan, Baginda diperlihatkan seluruh zuriatnya di hadapannya sehingga Baginda melihat satu pancaran cahaya yang sangat terang. Lalu Baginda bertanya kepada Allah Ta‘ālā: “Ya Rabb, apakah ini?” Allah Ta‘ālā menjawab: “Itu ialah anak keturunanmu, namanya Ahmad, dialah *al-Awwal*, dialah *al-Akhir*, dan dialah yang pertama menjadi pemberi syafaat (*ḥādḥā ibnuka Ahmad huwa al-awwal wa al-akhir wa huwa awwal shāfi*).” *Ḥadīth* ini merupakan *ḥadīth mauqūf* yang terhenti pada ‘Alī bin Abi Tālib. Sanadnya dinyatakan dengan penuh dan lengkap oleh al-Naysabūrī, dan seluruh perawi dalam sanad tersebut bertaraf terpercayanya (*thiqah*). Lihat Abū Sa‘d al-Naysabūrī, *Sharaf al-Mustafā*, 6 jil. (Makkah: Dār al-Bashā‘ir al-Islāmiyyah, 2003), 1:307–316. Al-Sayyid Nābil bin Hāshim al-Ghamrī, iaitu pentahkik *Sharaf al-Mustafā*, menyatakan bahawa *ḥadīth* ini mempunyai sokongan daripada riwayat Abū Bakr al-Bayhaqī dalam *Dalā‘il al-Nubuwwah*, manakala al-Bayhaqī pula menegaskan bahawa beliau tidak akan memuatkan *ḥadīth* palsu atau *ḥadīth* yang tiada asal dalam karyanya. Lihat al-Sayyid Nābil bin Hāshim al-Ghamrī, *Manāḥil al-Shifā wa Manāḥil al-Safā*, 6 jil. (Makkah: Dār al-Bashā‘ir al-Islāmiyyah, 2003), 1:308.

menjadikan cahaya Nabimu Muḥammad. Sementara baki bahagian lain dijadikan penolong buat orang-orang beriman, kepala orang-orang beriman dan hati orang-orang beriman sebagai *ma'rifah*. Cahaya *ʿArsh* adalah daripada cahaya Muḥammad; cahaya *Qalam* daripada cahaya Muḥammad; cahaya golongan soleh daripada kalangan mukmin juga daripada cahaya Muḥammad; cahaya kepala orang-orang beriman daripada cahaya Muḥammad; akal orang-orang beriman pun daripada cahaya Muḥammad. Maka, apakah lagi yang lebih mulia di sisi Allah selain Muḥammad?"³³

Walaupun statusnya *dāʿif* dan dengan lafaz yang sedikit berbeza daripada *ḥadīth Jābir* versi *Muṣannaf ʿAbd al-Razzāq*, penemuan ini amat signifikan kerana membuktikan bahawa *ḥadīth Nūr Muḥammad* riwayat Jābir adalah sabit dalam *ʿilm al-riwāyah*. Justeru, ramai *muhaddīthūn* menjadikannya sebagai dalil sokongan bagi *awwaliyyat al-Nūr al-Muḥammadi*.

Ibn al-Jawzī³⁴ (m. 1201 M) dalam *al-Wafāʾ bi Ahwāl al-Muṣṭafā* menyifatkan *Nūr Muḥammad* sebagai cahaya yang mengatasi segala jenis cahaya, termasuk cahaya matahari.³⁵ Penerangan ini diikuti dengan sebuah riwayat tentang *Nūr Muḥammad*. Dalam riwayat tersebut, pancaran *Nūr Muḥammad* kelihatan pada dahi Nabi Adam, kemudian berpindah dari sulbi ke rahim para pendahulu Nabi Muḥammad, bermula dengan Nabi Adam sendiri sehingga bonda Baginda, Aminah. Selepas itu, beliau turut mengemukakan dalil sokongan daripada syair Ibn ʿAbbās yang memuji Rasulullah SAW.³⁶ Dalam *Bustān al-Wāʿizīm wa Riyād al-Sāmiʿīn* pula, Ibn al-Jawzī menjelaskan bahawa kelebihan berselawat ke atas Rasulullah SAW yang membawa seseorang memperoleh cahaya bagi dirinya menunjukkan bahawa zat Nabi Muḥammad SAW yang menjadi

33. Lihat Abū ʿAbd Allāh Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad al-Tamīmī al-Baṣrī, *Talqīh al-Uqūl fī Faḍāʾil al-Rasūl* (Rabat: al-Rābiṭah al-Muḥammadiyyah li al-ʿUlamāʾ, 2012); juga nota kaki no. 4 sebelum ini.

34. Nama lengkap beliau ialah Abū al-Faraj ʿAbd al-Raḥmān bin ʿAlī bin Muḥammad al-Jawzī, dilahirkan di Baghdad, Iraq. Beliau merupakan seorang ulama berketurunan Abū Bakr al-Ṣiddīq. Ibn Kathīr dalam *al-Bidāyah wa al-Nihāyah* memuji beliau dengan menyatakan bahawa beliau adalah salah seorang ulama yang sangat menonjol dalam pelbagai cabang ilmu, bahkan unggul dalam bidang-bidang tersebut berbanding yang lain. Beliau telah menulis banyak karya yang berjumlah kira-kira tiga ratus judul, dan menulis dengan tangannya sendiri sekitar dua ratus jilid. Antara karya beliau ialah *al-Mughnī*, *Ẓād al-Masīr*, *Tadhkirah al-Arṭb*, *al-Wujūh wa al-Nazāʾir*, dan *Funūn al-Afnān*. Lihat Ibn Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, 8 jil. (Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, 2015), 7:29.

35. Ibn al-Jawzī, *al-Wafāʾ bi Ahwāl al-Muṣṭafā*, 4 jil. (Baḥrayn: al-Majlis al-ʿAlī li al-Shuʿun al-Islāmiyyah, 2018), 2:480.

36. *Ibid.*, 1:214. Kesemua riwayat yang diketengahkan oleh Ibn al-Jawzī ini menunjukkan bahawa *Nūr Muḥammad* bukan sekadar bersifat maknawi, tetapi juga inderawi yang boleh dicerap.

objek selawat itu merupakan *nūr* yang telah dijadikan Allah. Oleh sebab itu, Baginda disebutkan dalam al-Qur'an sebagai "lampu yang terang benderang lagi menerangi" (*al-sirāj al-munīr*).³⁷

Selanjutnya, Ibn al-Jawzī mengetengahkan sebuah syair yang menyatakan bahawa seluruh pancaran cahaya kepada para hamba Allah berasal daripada *Nūr Muḥammad*: "*fa daw'unā min daw' nūr Muḥammad*," dan bahawa *Nūr Muḥammad* tidak pernah terpadam serta tidak akan terpadam: "*fa nūruhū lā yanjalī*." Beliau juga mengemukakan riwayat yang menyebut bahawa pada Hari Akhirat kelak, ketika Rasulullah SAW memberikan syafaat kepada umatnya yang dicampakkan ke dalam neraka, apabila neraka Jahannam melihat *nūr* wajah Baginda, sebahagian besar gejolak apinya akan terpadam.³⁸ Berikutnya, beliau menjelaskan bahawa para ulama menerangkan perumpamaan *nūr* langit dan bumi sebagai gambaran sifat *Nūr Muḥammad*, iaitu dengan perantaraan Baginda, makhluk-makhluk Allah memperoleh rahmat dan hidayah. Perumpamaan itu tidak bermaksud cahaya yang mempunyai sinaran fizikal daripada Zat Allah kerana Zat-Nya tidak menyerupai makhluk. Allah telah menjadikan Nabi Muḥammad sebagai jambatan antara Allah dengan para hamba-Nya, selain menjadi penghubung yang paling agung agar manusia dapat sampai kepada Allah.³⁹

Dalam *Al-Sayf al-Maslūl*, Taqīyy al-Dīn al-Subkī⁴⁰ (m. 1355 M) menyatakan bahawa sekiranya bukan kerana Nabi Muḥammad SAW, nescaya tidak akan terciptanya matahari, bulan dan sebarang makhluk di dunia, hatta segala kesan penciptaan. Baginda merupakan "kesempurnaan lingkaran wujud dan kutubnya" (*kamāl dā'irat al-wujūd wa qutbuh*) dan "intisari alam dan intipatinya" (*ṣafwat al-'ālam wa lubbuh*). Baginda sentiasa berada dalam keadaan cahaya sebelum kelahirannya ke dunia, iaitu *nūr* Baginda berpindah dari sulbi ke rahim para pendahulu Baginda, bermula daripada Nabi Adam AS sehingga 'Abd

37. Petikan tersebut berbunyi: "*wa dhālika anna Allāh ja'ala shakhsahū SAW nūran wa qad sammāhu fī kitābihī sirājan munīra*." Lihat idem, *Bustān al-Wā'izīn wa Riyād al-Sāmi'īn* (Beirut: Mu'assasat al-Kutub al-Thaqāfiyyah), 298–299 dan 301. Dalam tafsirnya terhadap *Sūrat al-Nūr* (24):35, Ibn al-Jawzī menjelaskan bahawa Nabi Muḥammad disebut sebagai *nūr* kerana kedudukan Baginda umpama lampu yang menerangi. Lihat idem, *Ẓād al-Masīr* (Beirut: Dār Ibn Hazam, 2002), 368.

38. Idem, *Bustān al-Wā'izīn*, 301.

39. Ibid., 270 dan 296.

40. Nama lengkap beliau ialah 'Alī bin 'Abd al-Kāfī bin 'Alī bin Tamām bin Yūsuf bin Mūsā al-Subkī, dilahirkan di Subk al-Aḥad, Mesir. Beliau merupakan ayah kepada seorang lagi ulama besar, Imām Tāj al-Dīn al-Subkī. Beliau menguasai pelbagai bidang ilmu, khususnya fiqh, tafsir, hadis, bahasa dan usul. Antara guru beliau ialah Abū al-Ḥasan al-Sawwāf dan Ibn Jamā'ah, manakala dalam kalangan muridnya termasuk Sirāj al-Dīn al-Bulqīnī, Jamāl al-Dīn al-Isnawī, al-Mizzī, dan Shams al-Dīn al-Dhahabī. Antara karya penting beliau ialah *Takmilat Sharh al-Muḥaddhab*, *Tafsīr al-Durr al-Nazīm fī Tafsīr al-Qur'an al-'Azīm*, *al-Taḥbīr al-Madhhab fī Tahrīr al-Madhhab*, *Raf' al-Ḥājib 'an Mukhtaṣar Ibn al-Ḥājib* dan *Al-Sayf al-Maslūl 'alā man Sabb al-Rasūl*.

Allāh ibn ‘Abd al-Muṭṭalib.⁴¹ Kemudian, al-Subkī menegaskan bahawa setiap mukmin hendaklah merenungi dengan penuh penghayatan ciri-ciri cahaya yang terdapat pada jasad mulia Rasulullah SAW. Seterusnya, mereka hendaklah bersungguh-sungguh menyucikan hati agar memperoleh sebahagian daripada cahaya yang agung (*al-nūr al-a‘zam*) itu buat diri mereka sendiri.⁴²

Seterusnya, dalam *Al-Durrah al-Saniyyah fī Mawlid Khayr al-Bariyyah*, Salāh al-Dīn al-‘Alā’ī⁴³ (m. 1340 M) menjelaskan bahawa salah satu nama Rasulullah ialah *al-Sirāj al-Munīr*. Bahkan beliau menerangkan bahawa Allah Ta‘ālā telah menciptakan *Nūr Muḥammad* sebagai Nabi dan Rasul sebelum penciptaan seluruh alam, dan bahawa sekalian alam memperoleh cahaya kewujudan daripada *Nūr Muḥammad*.⁴⁴ Al-Khaṭīb Muḥammad bin Aḥmad bin Marzūq al-Tilimsānī⁴⁵ (m. 1379 M) dalam *Janā al-Jannatayn fī Sharaf al-Laylatayn*, menjelaskan bahawa kelahiran Rasulullah SAW di Makkah merupakan penzahiran *nūr* yang telah wujud sebelum penciptaan Nabi Adam AS. Beliau menegaskan bahawa seluruh keajaiban alam tercipta daripada *Nūr Muḥammad*, yang kelihatan pada setiap sulbi dan rahim moyang Baginda sebagai tanda kewujudannya dan persiapan bagi penzahirannya dalam bentuk insan sempurna. Ketika kelahiran Baginda, ibundanya melihat *nūr* tersebut keluar daripadanya lalu menerangi seluruh ufuk alam.⁴⁶ Badr al-Dīn al-Zarkashī⁴⁷ (m. 1392 M), sebagaimana yang dinukilkan

41. Taqiyy al-Dīn ‘Alī bin ‘Abd al-Kāfi al-Subkī, *Al-Sayf al-Maslūl ‘alā man Sabb al-Rasūl* (‘Amman: Dār al-Fath, 2000), 106, 107 dan 477.

42. *Ibid.*, 488.

43. Salāh al-Dīn Khalīl bin Kaykalādī al-‘Alā’ī dilahirkan di Damsyik, Syria pada tahun 1295. Beliau merupakan seorang pakar hadis yang bertaraf *al-Hāfiẓ* dengan kepakaran dalam bidang hadis, fiqh dan tafsir. Antara guru beliau ialah al-Mizzī, Burhān al-Dīn al-Fazārī dan Ibn al-Zamlakānī; manakala antara murid beliau ialah Ibn al-Mulaqqin, Ibn Kathīr dan Imām al-Fayrūz Abādī. Karya-karya beliau termasuklah *Al-Naqd al-Sahīḥ li mā ‘Iṭarada ‘alayhi min Aḥādīth al-Masābīh*, *Al-Ashbāh wa al-Nazā’ir fī al-Furū‘*, *Burhān al-Taysīr fī ‘Unwān al-Tafsīr* dan *Al-Durrah al-Saniyyah fī Mawlid Khayr al-Bariyyah*.

44. Salāh al-Dīn al-‘Alā’ī, *Majmū‘ Rasā’il al-‘Alā’ī al-Durrah al-Saniyyah fī Mawlid Khayr al-Bariyyah*, 6 jil. (Kaherah: al-Fārūq al-Ḥadīthah li al-Tabā‘ah wa al-Nashr, 2007), 4:16.

45. Beliau merupakan seorang ulama hadis kelahiran Tilimsān, Maghribi (kini Algeria). Beliau berguru dengan Ibn ‘Arafah dan menjadi guru kepada al-Shāṭibī. Sepanjang hayatnya, beliau memegang beberapa jawatan penting dalam kerajaan Marinid di Maghribi, termasuk sebagai penasihat agama kepada Sultan Abū al-Ḥasan. Antara karya beliau ialah *Miftāḥ al-Wuṣūl*, *Kutāb al-Imāmah*, *Al-Musnad al-Sahīḥ al-Ḥasan fī Dhikr Ma’āthir Mawlanā Abī al-Ḥasan dan Izālat al-Ḥājib ‘an Furū‘ Ibn Ḥājib*.

46. Muḥammad bin Ahmad bin Marzuq al-Tilimsānī, *Janā al-Jannatayn fī Sharaf al-Laylatayn* (Kuwait: Dār al-Ḍiyā‘, 2016), 122, 155 dan 160.

47. Nama lengkap beliau ialah Muḥammad bin ‘Abd Allāh bin Bahādūr bin Abī ‘Abd Allāh Badr al-Dīn al-Zarkashī. Beliau dilahirkan di Mesir dan berasal daripada keturunan Turki. Antara guru beliau termasuk Sirāj al-Dīn al-Bulqīnī, Ibn Kathīr, Jamāl al-Dīn al-Isnawī dan al-Hāfiẓ ‘Alā’ al-Dīn Mughlṭay. Bidang kepakaran beliau meliputi fiqh, hadis dan usul al-fiqh. Karya-karya beliau merangkumi *Al-Baḥr al-Muḥīt fī Uṣūl al-Fiqh*, *Salāsīl al-Dhahab fī Uṣūl al-Fiqh*, *Al-Burhān fī ‘Ulūm al-Qur’an* dan *I‘lām al-Sājid bi Ahkām al-Masājid*.

oleh al-Qaṣṭallānī dalam *Al-Mawāhib al-Ladunniyyah*, menyatakan bahawa Baginda ialah *al-Sirāj al-Munīr*, yang menjadi *nūr* bagi sekalian alam, umpama matahari yang menyinari seluruh timur dan barat.⁴⁸

Ibn Rajab al-Hanbalī (m. 1393 M) dalam *Latā'if al-Ma'ārif (Bāb Waḥdā 'if Shahr Rabī' al-Awwal dan Bāb Majlis fī Fadl al-Tadhkir bi Allāh Ta'ālā wa Majālis al-Wa'z)* meriwayatkan *ḥadīth*: “Aku ialah Nabi yang pertama diciptakan dan yang terakhir diutuskan.”⁴⁹ Beliau turut menyebut *ḥadīth* yang meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW pernah ditanya: “Bilakah diwajibkan bagimu kenabian?” Baginda menjawab: “Ketika Nabi Adam berada antara roh dengan jasad.” Selanjutnya, Ibn Rajab meriwayatkan bahawa seorang Tabi'ī bernama 'Aṭā' pernah ditanya: “Adakah Nabi Muḥammad telah menjadi Nabi sebelum diciptakan jasadnya?” Beliau menjawab: “Ya, demi Allah, bahkan Baginda dicipta dua ribu tahun sebelum dunia tercipta.”⁵⁰ Lalu Ibn Rajab mengulas bahawa kedua-dua *ḥadīth* di atas menunjukkan bahawa Nabi Muḥammad SAW telah memiliki kehidupan sebelum Nabi Adam AS memperoleh hayat. Justeru, tidak wajar dikatakan bahawa Nabi Adam AS diciptakan sebelum Nabi Muḥammad SAW. Bahkan, sekiranya bukan kerana Nabi Muḥammad SAW, nescaya Nabi Adam AS tidak akan diciptakan. Menurut beliau lagi, kejadian Rasulullah SAW bermula dengan *wujūd khārijī*, iaitu sejenis kewujudan yang zahir secara bertulis pada *Lawḥ Mahfūz*, kemudian berpindah menjadi *wujūd 'aynī*, iaitu kewujudan di alam nyata. Dengan demikian, Baginda merupakan Nabi yang pertama mengambil perjanjian dengan Allah. Beliau merumuskan bahawa Nabi Muḥammad SAW telah ditetapkan oleh Allah sebagai Nabi pertama yang telah sabit dalam kejadian secara hakiki, hanya sahaja kelahiran Baginda di dunia ditangguhkan untuk menjadi *Khātam al-Nabiyyīn*.⁵¹ Ibn Rajab juga menjelaskan bahawa Rasulullah digelar *al-Sirāj al-Munīr* kerana sebagaimana sebuah pelita mampu menyalakan seribu pelita lain tanpa sedikit pun berkurang cahayanya, demikianlah Allah Ta'ālā menjadikan para Nabi daripada *Nūr Muḥammad* tanpa sedikit pun *nūr* tersebut berkurang.⁵²

Muḥammad Ibn al-Jazarī al-Dimashqī⁵³ (m. 1430 M), yang terkenal sebagai *Shaykh al-Qurrā'*, dalam karyanya *'Arf al-Ta'rif* meriwayatkan sebuah *ḥadīth*

48. Al-Qaṣṭallānī, *Al-Mawāhib al-Ladunniyyah*, 2:669.

49. Ibn Jarīr al-Ṭabarī, *Tafsīr al-Ṭabarī*, 25 jil. (Kaherah: Dār Hajar, 2001), 19:23.

50. Abū Bakr al-Ājurī, *Al-Sharī'ah* (Dammam: Dār al-Siddīq, 2015), 371.

51. Abū al-Faraj 'Abd al-Raḥmān Ibn Rajab al-Hanbalī, *Latā'if al-Ma'ārif fī mā li-Mawāsīm al-Ām min al-Waḥā'if* (Beirut: Dār al-Kutub al-Īlmiyyah, 1989), 95–97.

52. *Ibid.*, 13. Penerangan Ibn Rajab ini disokong oleh 'Abd Allāh al-Ghumārī, *Mawṣū'at al-Ghumārī*, 19 jil. (Kaherah: Dār al-Salām, 2016), 5:252.

53. Nama penuh beliau ialah Muḥammad ibn Muḥammad ibn Muḥammad ibn 'Alī ibn Yūsuf al-Jazarī. Beliau dilahirkan di Damsyik, Syria. Kepakaran beliau adalah dalam bidang qiraat, hadis dan fiqh. Antara guru beliau ialah al-Bulqīnī, Ibn Kathīr, Muḥammad ibn Saygh dan Muḥammad ibn Sālih al-Khaṭīb. Beliau merupakan tokoh yang amat berpengaruh dalam ilmu qiraat al-Qur'an. Antara karya beliau ialah *Al-Muqaddimah al-Jazariyyah*, *Al-Naṣr fī Qirā'at al-Ashr* dan *'Arf al-Ta'rif*.

sahih yang menyatakan bahawa ketika kelahiran Baginda, ibunda Rasulullah SAW telah melihat suatu cahaya yang memancar daripada anaknya sehingga menerangi seluruh alam. Ibn al-Jazari seterusnya menjelaskan bahawa *nūr* yang disaksikan olehnya itu merupakan *nūr* yang sama pernah dilihat oleh seluruh moyang Baginda pada diri mereka masing-masing. *Nūr* tersebut merupakan penzahiran suatu cahaya yang cemerlang bergemerlapan, yang tiada sesuatu pun seumpamanya pernah diciptakan sebelumnya, sehingga cahaya itu menerangi seluruh alam.⁵⁴

Ibn Hajar al-‘Asqalānī⁵⁵ (m. 1449 M) dalam karyanya *Al-Matālib al-‘Āliyah bi Zawā‘id al-Masānid al-Thamāniyah* telah mengkhususkan sebuah bab yang berjudul *Awwalyāt al-Nabī wa Sharaf Aṣliḥ* (Keawalan Nabi Muhammad dan Kemuliaan Asal-Usulnya). Dalam bab tersebut, beliau mengetengahkan sebuah *ḥadīth* daripada *Musnad Ibn Abī ‘Umar* tanpa mengulas berkenaan status *ḥadīth* tersebut yang bermaksud: “*Sesungguhnya Quraysh merupakan cahaya di hadapan Allah dua ribu tahun sebelum Dia menciptakan Nabi Adam.*”⁵⁶

Badr al-Dīn al-‘Aynī⁵⁷ (m. 1451 M) menyatakan dalam *Umdat al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*:

Imām Aḥmad dan Imām al-Tirmidhī telah meriwayatkan *ḥadīth marfū‘* yang *ṣaḥīḥ* daripada ‘Ubādah bin Ṣāmit yang menjelaskan bahawa makhluk pertama yang diciptakan oleh Allah ialah *al-Qalam*; kemudian Allah memerintahkannya untuk menulis, lalu ia

-
54. Petikan tersebut berbunyi: “*mā yabdū min layālīhi min al-nūr al-badī‘... ma ‘ahū nūr adā‘a laḥū mā bayna al-mashriq wa al-maghrib.*” Lihat Muhammad ibn al-Jazari al-Dimashqi, *‘Arf al-Ta‘rif bi al-Mawlid al-Sharīf* (Beirut: Dār al-Ḥadīth al-Kattāniyyah, 2010), 21.
55. Nama penuh beliau ialah Shihāb al-Dīn Abū al-Faḍl Aḥmad ibn ‘Alī ibn Muḥammad ibn Hajar al-‘Asqalānī, dan beliau dilahirkan di Mesir. Oleh kerana ketokohnya yang besar dalam bidang hadis, al-‘Asqalānī telah digelar sebagai *Amīr al-Mu‘minīn fī al-Ḥadīth*. Antara gurunya ialah Zayn al-Dīn al-‘Irāqī, Shams al-Dīn ibn al-Qaṭṭān, al-Bulqīnī, Ibn al-Mulaqqin, Shams al-Dīn al-Qalqashandī, Badr al-Dīn al-Balīsī dan Fātimah bint al-Manja al-Tanūkhīyyah. Antara muridnya ialah al-Sakhāwī, al-Biqā‘ī dan Zakariyyā al-Anṣārī, manakala karya-karya beliau merangkum *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Al-Durar al-Kāminah fī A‘yān al-Mī‘ah al-Thāminah*, *Tahdhīb al-Tahdhīb*, *Taqrīb al-Tahdhīb*, *Ta‘jīl al-Manja‘ah*, *Bulūgh al-Marām min Adillat al-Aḥkām* dan *Natā‘ij al-Afkar fī Takhrīj Ahādīth al-Adhkār*.
56. Pada bahagian pengantar karyanya, al-‘Asqalānī menyatakan bahawa tujuan penulisan karya tersebut adalah untuk menghimpunkan hadis-hadis yang diriwayatkan oleh para sahabat Nabi yang tidak dimuatkan dalam kitab-kitab utama *uṣūl al-ḥadīth*. Karya ini tergolong dalam kategori *zawā‘id*, iaitu himpunan hadis-hadis tambahan yang tidak terdapat dalam kitab-kitab hadis yang lain. Lihat Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Al-Matālib al-‘Āliyah bi Zawā‘id al-Masānid al-Thamāniyah*, 9 jil. (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003), 1:93.
57. Nama penuh beliau ialah Abū Muḥammad Maḥmūd ibn Aḥmad ibn Mūsā Badr al-Dīn al-‘Aynī, dilahirkan di ‘Ayntāb (kini Gaziantep), Turki, dan meninggal di Mesir. Beliau bermazhab *Ḥanafī*, berakidah *Māturīdiyyah* dan bertarikat *Shādhiliyyah*. Kepakaran beliau adalah dalam bidang hadis. Antara guru beliau ialah Zayn al-Dīn al-‘Irāqī, Sirāj al-Dīn al-Bulqīnī dan al-Sayrāmī, manakala karya-karya beliau merangkum *Umdat al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Al-Bināyah Sharḥ al-Hidāyah*, *Al-Sayf al-Muḥammad fī Sirāt al-Malīk al-Mu‘ayyad*, *Iqd al-Jūmān fī Tārīkh Ahl al-Zamān*, *Al-Radd al-Wāfir*, *Nukhab al-Afkar fī Tahqīq Mabānī al-Akḥbār fī Sharḥ Ma‘ānī al-Aḥār* dan *Sharḥ Sunan Abī Dāwūd*.

menulis segala yang akan berlaku sehingga Hari Kiamat. Imām al-Ḥasan al-Baṣrī, Imām ‘Aṭā’ dan Imām Mujāhid juga memilih pendapat ini, kemudian diikuti oleh Imām Ibn Jarīr dan Imām Ibn al-Jawzī. Walau bagaimanapun, Imām Ibn Jarīr turut meriwayatkan daripada Imām Muḥammad bin Ishāq bahawa: “Allah pertama kali menciptakan cahaya dan kegelapan, kemudian Dia membezakan antara kedua-duanya.”⁵⁸

Selain itu, terdapat juga riwayat yang menyebutkan bahawa ketika pertama kali menciptakan, Allah menjadikan *Nūr Muḥammad*.⁵⁹ Berdasarkan petikan di atas, terdapat dua makhluk yang disebut sebagai “yang pertama diciptakan,” iaitu *al-Qalam* dan *Nūr Muḥammad*. Persoalannya, bagaimana riwayat-riwayat yang berbeza ini dapat diharmonikan? Al-‘Aynī menjelaskan bahawa riwayat-riwayat tersebut mempunyai penisbahan yang berbeza: setiap makhluk yang disebut “yang pertama” itu dianggap sebagai yang terawal dalam kategori masing-masing, iaitu jika dinisbahkan kepada jenis-jenis makhluk yang diciptakan selepasnya. Kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa beliau menerima riwayat yang memerihalkan keawalan *Nūr Muḥammad*.⁶⁰

Shams al-Dīn Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥmān al-Sakhāwī⁶¹ (m. 1497 M), seorang ulama *ḥadīth* terkemuka, dalam *al-Qawl al-Badī‘* telah menukulkan sebuah selawat daripada guru-guru beliau yang bermaksud: “Ya Allah, limpahkanlah

58. Muḥammad ibn Jarīr, *Jāmi‘ al-Bayān ‘an Ta’wīl Āyī al-Qur’an*, 13 jil. (Kaherah: Markaz al-Buḥūth wa al-Dirāsāt al-‘Arabīyyah al-Islāmiyyah bi Dār Ḥajar, 2001), 1:460.

59. Dalam karyanya *Sirr al-Asrār*, ‘Abd al-Qādir al-Jaylānī al-Ḥanbalī (m. 1166 M) telah menggabungkan riwayat-riwayat ini dengan menyatakan keselarian antara hadis-hadis yang berbeza (*tabḥīq bayna al-aḥādīth*) berkenaan ciptaan pertama. Beliau menyebutkan bahawa *Nūr Muḥammad* merupakan suatu realiti yang memiliki pelbagai nama dari sudut pandang yang berbeza dan peranannya. *Nūr Muḥammad* dikenali sebagai *al-Aql* kerana keadaannya yang memiliki kefahaman berkenaan alam; *al-Qalam* kerana peranannya yang menjadi wasilah perpindahan ilmu daripada Ilmu Ilahi kepada alam nyata. Menurut al-Jaylānī, sungguhpun terdapat perselisihan pendapat berkenaan ciptaan pertama, beliau menegaskan bahawa *Nūr Muḥammad* itulah yang merupakan kejadian pertama secara mutlak. Lihat ‘Abd al-Qādir al-Jaylānī, *Sirr al-Asrār* (Damsyik: Dār al-Sanābil, 1993), 22.

60. Badr al-Dīn al-‘Aynī, *Umdat al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 25 jil. (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001), 15:150.

61. Nama penuh beliau ialah Shams al-Dīn Abū al-Khayr Muḥammad ibn ‘Abd al-Raḥmān ibn Muḥammad al-Sakhāwī al-Qāhirī, dilahirkan di Sakha, Mesir, dan meninggal di Madinah. Beliau merupakan pakar bidang hadis, tafsir dan sejarah. Guru beliau yang paling utama ialah al-‘Asqalānī. Antara murid beliau ialah ‘Abd al-Ghanī ibn Aḥmad ibn ‘Abd al-Ghanī al-Kannānī al-‘Asqalānī. Beliau merupakan seorang penulis prolific dan menghasilkan sekurang-kurangnya 270 buah karya dalam pelbagai bidang. Antara karya beliau ialah *Al-Maqāsīd al-Hasanah fī al-Aḥādīth al-Mushtahirah ‘alā al-Asīnah*, *Al-Akhbār al-Mukālalāh fī al-Aḥādīth al-Musalsalah*, *Al-Ghāyah fī Sharḥ al-Hidāyah fī ‘Ilm al-Rawāyah*, *Sharḥ al-Shamā‘il al-Nabawīyyah li al-Tirmidhī*, *Al-Tuhfah al-Munīfah fīmā Waqa‘a Min Ḥadīth Abī Hanīfah*, *Fath al-Mughīth bi Sharḥ Alfīyyat al-Ḥadīth* dan *Al-Qawl al-Badī‘ fī al-Ṣalāt ‘alā al-Ḥabīb al-Shafī‘*.

rahmat ke atas Nabi Muḥammad yang *nūr*-nya terawal diciptakan, dan penzahirannya menjadi rahmat buat sekalian alam (*Allāhumma ṣalli ‘alā sayyidīnā Muḥammad al-sābiq li al-khalqī nūruḥū wa al-rahmah li al-‘ālamīn zuḥūruḥū*).⁶²

Sungguhpun Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī⁶³ (m. 1505 M) menyatakan dalam *Al-Hāwī li al-Fatāwī* bahawa *ḥadīth Jābir* melalui jalur *Muṣannaf ‘Abd al-Razzaq* tidak sabit sandaran sanadnya,⁶⁴ beliau tetap membicarakan *Nūr Muḥammad* dan keawalannya dalam *Al-Durar al-Hisān fī al-Ba’th wa Na’im al-Jinān*⁶⁵ dan *Al-Khaṣā’is al-Kubrā*.⁶⁶ Dalam *al-Hāwī li al-Fatāwī* pula, di bawah tajuk *Tazyīn al-Arā’ik fī Irsāl al-Nabī ilā al-Malā’ik*, al-Suyūṭī menyatakan sokongannya terhadap penerangan al-Subkī berkenaan sabitnya keawalan kenabian Rasulullah SAW, bukan sekadar dalam Ilmu Ilahi, tetapi juga dalam kejadian yang nyata.⁶⁷ Dalam *Ummūdhaj al-Labīb fī Khaṣā’is al-Habīb*, al-Suyūṭī menegaskan bahawa Rasulullah SAW merupakan Nabi yang pertama diciptakan oleh Allah Ta’ālā; bahkan Baginda telah menjadi Nabi sebelum Nabi Adam AS diciptakan. Dalam *Al-Jāmi’ al-Saghīr*, beliau meriwayatkan *ḥadīth* berikut: “Aku merupakan manusia pertama yang diciptakan dan yang terakhir diutuskan.”⁶⁸

Shihāb al-Dīn Aḥmad al-Qaṣṭallānī⁶⁹ (m. 1517) dalam kitabnya *Al-Mawāhib al-Ladunniyyah* berkata:

-
62. Shams al-Dīn Muḥammad bin ‘Abd al-Rahmān al-Sakhāwī, *Al-Qawl al-Badī‘ fī al-Ṣalāt ‘alā al-Habīb al-Shafī‘* (Tā’if: Maktabat al-Mu’ayyad, 1987), 78.
63. Nama penuh beliau ialah Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān bin Kamāl al-Dīn Abī Bakr bin Muḥammad bin Sābiq al-Dīn al-Miṣrī al-Suyūṭī al-Shāfi‘ī al-Ash‘arī. Beliau dilahirkan di Kaherah, Mesir. Beliau pakar dalam bidang tafsīr, ḥadīth dan fiqh. Bapanya merupakan murid kepada Ibn Hajar al-‘Asqalānī. Antara guru beliau ialah ‘Alam al-Dīn al-Bulqīnī, Shihāb al-Dīn al-Shamarsahī, Sharaf al-Dīn al-Munāwī, Taqī al-Dīn al-Shiblī, Jalāl al-Dīn al-Maḥallī dan al-Sakhāwī. Beliau juga merupakan seorang penulis prolific yang menghasilkan sekurang-kurangnya 300 buah karya dalam pelbagai bidang agama, termasuk bidang perubatan. Antara karya beliau ialah *Tafsīr al-Jalālayn*, *Al-Durr al-Manthūr*, *Al-Habā’ik fī Akhbār al-Malā’ik*, *Al-Ṭibb al-Nabawī*, *Al-Jāmi’ al-Kabīr*, *Tadrib al-Rāwī* dan *al-Ashbāh wa al-Nazā’ir*.
64. Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān al-Suyūṭī, *Al-Hāwī li al-Fatāwī*, 2 jil. (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2000), 1:313.
65. Idem, *Al-Durar al-Hisān fī al-Ba’th wa Na’im al-Jinān* (Kaherah: Dār al-Amīn, 1993), 15.
66. Idem, *Al-Khaṣā’is al-Kubrā*, 2 jil. (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.), 1:7.
67. Idem, “Tazyīn al-Arā’ik fī Irsāl al-Nabī ilā al-Malā’ik,” *Al-Hāwī li al-Fatāwī*, 2:137.
68. Idem, *Al-Jāmi’ al-Saghīr fī Ahādīth al-Bashīr al-Nadhīr* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2004), 400. Ḥadīth ini juga telah diulas oleh Muḥammad al-Ḥifnawī yang berkata: “Makhluk yang pertama diciptakan secara mutlak ialah *Nūr Muḥammad* dan seluruh alam ini dijadikan daripadanya.” Lihat ‘Alī bin Aḥmad al-‘Azīzī, *Al-Hāshiyah ‘alā al-Sirāj al-Munīr Sharḥ al-Jāmi’ al-Saghīr*, 3 jil. (Beirut: Dār al-Nawādir, 2013), 3:104.
69. Nama penuh beliau ialah Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Muḥammad bin Abī Bakr bin ‘Abd al-Mālik bin Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥusayn bin ‘Alī al-Qaṣṭallānī, dilahirkan di Mesir pada 851 H/1448 M. Antara guru beliau ialah Burhān al-‘Ajlūnī, Jalāl al-Kabīr, Khālīd al-Azharī, al-Sakhāwī dan Zakariyyā al-Anṣārī, manakala karya-karya beliau merangkum *Irshād al-Sārī Sharḥ Ṣaḥīh al-Bukhārī*, *Minḥaj al-Ibtihāj Sharḥ Ṣaḥīh Muslim bin al-Hajjāj*, *Al-Mawāhib al-Ladunniyyah bi Minah al-Muḥammadiyyah*, *Latā’if al-Ishārāt fī Qirā’āt al-Arba’ah Asharah* dan *Al-Is’ād fī Mukhtār al-Irshād*.

Bahawa sesungguhnya tatkala berlaku *irādah* Allāh Ta‘ālā untuk menjadikan makhluk-Nya dan menentukan rezeki mereka, Dia menzahirkan *Ḥaḡīqah Muḥammadiyyah* daripada *anwār samadiyyah* pada *ḥadīrah ḥadiyyah*-Nya. Kemudian Allah menjadikan sekalian alam, alam tinggi dan alam rendah, dalam rupa bentuk hukum-Nya sebagaimana yang telah terdahulu ada dalam *irādah*-Nya dan ilmu-Nya yang terdahulu.⁷⁰

Selanjutnya al-Qaṣṭallānī menyatakan: “Keawalan makhluk yang disebut dalam *ḥadīth Jābir* itu mendapat sokongan daripada beberapa ayat al-Qur’an; maka sesungguhnya tiada keraguan bahawa makhluk yang pertama diciptakan ialah *Nūr Muḥammad*.”⁷¹ Beliau memetik ayat *Sūrat al-Baqarah* (2):253: “Dan Dia (Allah) mengangkat sebahagian mereka (para Rasul) beberapa darjat kedudukan (ke atas yang lain),” dan mengatakan bahawa peristiwa *al-Mi‘rāj* telah membuktikan bahawa zat diri Nabi Muḥammad SAW telah diistimewakan melebihi sekalian makhluk Allah Ta‘ālā. Syarahan al-Qaṣṭallānī dalam *Irshād al-Sārī* perihal penciptaan segala sesuatu daripada air (*wa-ja‘alnā min al-mā’ kulla shay’in ḥayy*) yang dinyatakan dalam *Sūrat al-Anbiyā’* (21):30 tidak bertentangan dengan syarahannya dalam *Al-Mawāhib*. Hal ini kerana yang beliau maksudkan sebagai “*kulla shay’in ḥayy*” merujuk kepada *dābbah*, iaitu benda-benda hidup yang melata di muka bumi.⁷²

Ibn Hajar al-Haytamī al-Makkī al-Anṣārī⁷³ (m. 1566) yang mensyarahkan bait al-Būṣayrī berkenaan Rasulullah SAW, iaitu: “*Anta miṣbah kulli faḍlīn famā taṣḍuru illā ‘an daw‘ika al-aḍwā’u* (Dikaulah pelita bagi setiap kelebihan, kerana tiada sebarang cahaya melainkan ia terpancar daripada cahayamu),” dalam *Al-Minah al-Makkiyyah fī Sharḥ al-Hamziyyah*, menyatakan bahawa Nabi Muḥammad SAW umpama pelita yang daripadanya kewujudan semua makhluk di alam ini dizahirkan. Hal ini kerana Baginda merupakan Khalifah Teragung

70. Al-Qaṣṭallānī, *Al-Mawāhib al-Laduniyyah*, 1:66–75.

71. Ibid.

72. “*Sifatun li-shay’in kullu ḥayawān ka-qawlihi Ta‘ālā: wa-Allāh khalāqa kulla dābbatin min mā’.*” Lihat Ahmad ibn Muḥammad al-Qaṣṭallānī, *Irshād al-Sārī Sharḥ Saḡīḥ al-Bukhārī*, 10 jil. (Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Kubrā al-Amiriyyah, 1905), 4:192. Rujuk juga *Sūrat al-Nūr* (24):45.

73. Nama penuh beliau ialah Ahmad bin Muḥammad bin Muḥammad bin ‘Alī ibn Hajar al-Haytamī al-Makkī al-Anṣārī, dilahirkan di Mahallah Abū al-Haytam, Mesir, dan meninggal di Makkah. Beliau pakar dalam bidang hadis, fiqh dan tasawwuf. Dalam kalangan gurunya termasuk al-Shams al-Shinnawī, al-Shams Muḥammad al-Sarawī Ibn Abī al-Hama‘īl, Zakariyyā al-Anṣārī dan Shihāb al-Dīn al-Ramlī. Antara karya beliau ialah *Sharḥ Alfīyyah Ibn Mālik*, *Al-Fath al-Mubīn bi Sharḥ al-Arba‘īn*, *Al-Fatāwā al-Hadīthiyyah*, *Fath al-Ilāh bi Sharḥ al-Mishkāh*, *Al-Fatāwā al-Fiqhiyyah al-Kubrā*, *Tuḡfat al-Muhtāj bi Sharḥ al-Minhāj*, *Al-Minah al-Makkiyyah fī Sharḥ al-Hamziyyah*, *Al-Durr al-Mandūd fī al-Salāt wa al-Salām ‘alā Saḡīḥ al-Maḡām al-Mahmūd*, *Ashraf al-Wasā‘il ilā Fahm al-Shamā‘il* dan *Al-Jawhar al-Munazzam fī Ziyārah al-Qabr al-Mukarram*.

(*al-Khalīfah al-Akbar*) bagi setiap yang wujud (*mawjūdāt*). Hal ini berdalilkan *ḥadīth* yang menyebut: “Dan Allah ialah Pemberi yang hakiki manakala aku hanyalah pembahagi (*Wa Allāhu al-mu‘ī wa anā al-qāsim*).”⁷⁴

Berikutnya, berdasarkan firman Allah, “Telah datang kepada kamu daripada Allah *nūr* dan kitab yang nyata,”⁷⁵ al-Haytamī menjelaskan bahawa Allah telah menamakan Rasulullah SAW dengan nama *nūr* secara khusus. Justeru, doa *nūr* yang sering dibaca oleh Baginda untuk segenap dirinya merupakan tanda kesyukuran serta pengajaran kepada umatnya agar bersyukur kepada Allah melalui doa tersebut atas kurniaan yang Baginda peroleh. Hal ini seumpama doa yang terkandung pada akhir *Sūrat al-Baqarah* (2):286, iaitu sebagai tanda kesyukuran atas nikmat yang telah dikurniakan kepada Baginda dan umatnya.⁷⁶

Dalam *Al-Umdah fī Sharh al-Burdah*, al-Haytamī menegaskan bahawa telah terbukti melalui *ḥadīth* sahih bahawa *Nūr Muḥammad* telah wujud sebelum penciptaan Nabi Adam dan sebelum kewujudan sekalian makhluk.⁷⁷ Dalam *Itmām al-Ni‘mah al-Kubrā*, beliau menyatakan bahawa ungkapan “*rūhī*” dalam firman, “Dan Aku meniup *rūh*-Ku kepadanya (*wa-nafakhtu fīhi min rūhī*),”⁷⁸ merujuk kepada *Nūr Muḥammad*.⁷⁹ Seterusnya, dalam *Ashraf al-Wasā‘il*, beliau membahaskan perselisihan yang terdapat dalam riwayat berkenaan ciptaan pertama, lalu menyimpulkan bahawa *Nūr Muḥammad* merupakan ciptaan pertama secara mutlak, manakala segala makhluk lain diciptakan selepasnya.⁸⁰ Ulasan-ulasan al-Haytamī ini amat signifikan kerana beliau merupakan salah seorang ahli hadis terkemuka, selain juga guru kepada seorang *muhaddith* terkenal, Mullā ‘Alī al-Qārī (m. 1605 M).

Menurut Mullā ‘Alī al-Qārī dalam *Mirqāt al-Mafātīh Sharh al-Mishkāt al-Maṣābīh*, keawalan *Nūr Muḥammad* merupakan keawalan yang hakiki, manakala keawalan ciptaan-ciptaan lain seperti *al-Qalam*, *‘Arsh*, dan air ialah keawalan yang relatif (*idāfī*). Oleh itu, keawalan bagi setiap perkara lain ini, iaitu *al-Qalam*, *nūr*, *rūh*, *‘Arsh*, air dan *jawharah*, ialah keawalan yang sesuai dengan jenis masing-masing. Mullā ‘Alī al-Qārī juga menyebutkan bahawa terdapat dua ungkapan dalam riwayat berkenaan *Nūr Muḥammad*: pertama ialah “Perkara pertama yang Allah ciptakan ialah *nūr*-ku”; manakala kedua ialah “Perkara pertama yang Allah ciptakan ialah *rūh*-ku.” Menurut Mullā ‘Alī al-Qārī lagi, kedua-dua ungkapan tersebut memiliki maksud yang sama kerana *rūh* merupakan sejenis ciptaan

74. Shihāb al-Dīn Aḥmad Ibn Hajar al-Haytamī al-Makkī al-Anṣārī, *Al-Minah al-Makkiyyah fī Sharh al-Hamziyyah* (Beirut: Dār al-Minhāj, 2005), 92–95. Hadis yang beliau jadikan sandaran merupakan riwayat al-Bukhārī, Muslim dan al-Ṭabarānī.

75. *Sūrat al-Mā‘idah* (5):15.

76. Al-Haytamī, *Al-Minah al-Makkiyyah*, 86.

77. Idem, *Al-Umdah fī Sharh al-Burdah* (Ammān: Dār al-Fath, 2003), 289.

78. *Sūrat al-Hijr* (15): 29.

79. Al-Haytamī, *Itmām al-Ni‘mah al-Kubrā ‘alā al-‘Ālam bi-Mawlid Sayyid Walad Adam* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001), 38.

80. Idem, *Ashraf al-Wasā‘il fī Fahm al-Shamā‘il* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1998), 36.

yang berunsurkan *nūr*.⁸¹ Dalam *Sharḥ al-Burdah al-Buṣayrī*, Mullā ‘Alī al-Qārī menjelaskan bahawa *al-Qalam* sebagai ciptaan pertama merujuk kepada *Nūr Muḥammad*; justeru tiada sebarang percanggahan antara pandangan bahawa ciptaan pertama ialah *al-Qalam* dengan pandangan yang mensabitkan *Nūr Muḥammad* sebagai ciptaan pertama.⁸² Juga dalam *Mirqāt al-Mafātīḥ*, Mullā ‘Alī al-Qārī menyatakan bahawa dalam hadis yang menyebutkan Nabi Muḥammad SAW sebagai orang pertama yang diizinkan untuk bersujud pada Hari Kiamat, keizinan tersebut diberikan kerana *rūḥ* atau *nūr* Baginda yang merupakan ciptaan pertama yang dijadikan oleh Allah.⁸³ Selanjutnya, Mullā ‘Alī al-Qārī mengatakan bahawa jika bukan kerana keawalan Nabi Muḥammad SAW sebagai ciptaan pertama, maka alam dan segala isinya tidak akan tercipta.⁸⁴

Dalam karya Mullā ‘Alī al-Qārī berjudul *Al-Mawrid al-Rawī*, beliau memulakan mukadimahnyanya dengan berkata: “Aku memuji Allah yang bersifat azali lagi abadi atas apa yang telah Dia pancarkan, iaitu *al-Nūr al-Aḥmadī*, dan menyinarakan sinaran Muhammadī yang disifatkan dengan sifat-sifat yang terpuji pada alam *wujūd*.”⁸⁵ Kemudian beliau menyatakan dengan jelas bahawa keawalan makhluk yang hakiki ialah *Nūr Muḥammad*.⁸⁶ Dalam kitabnya yang berjudul *Al-Asrār al-Marfū‘ah*, beliau menyatakan bahawa *Nūr Muḥammad* merangkumi seluruh ufuk alam dan itulah ciptaan pertama yang dijadikan oleh Allah. Oleh sebab itu, al-Qur’an menggelarkan Baginda *al-nūr*; begitu juga dalam doanya, Baginda menyebut: “Jadikanlah aku *nūr*.” Hanya orang-orang yang mata hatinya celik sahaja dapat menyaksikan *Nūr Muḥammad*, manakala mata hati yang buta tidak akan dapat menyaksikan penzahiran *Nūr Muḥammad* itu.⁸⁷

Dalam *Sharḥ al-Shifā’ li al-Qādī ‘Iyād*, Mullā ‘Alī al-Qārī mengulas berkenaan *Sūrat al-Mā‘idah* (5):15 dan menyatakan bahawa kedua-dua ungkapan *nūr* dan *kitāb mubīn* merujuk kepada Nabi Muḥammad: “Nabi Muḥammad merupakan cahaya agung dan sumber pemancar kepada segala jenis cahaya, maka Baginda juga merupakan kitab sempurna yang menjadi penjelas kepada segenap rahsia.”⁸⁸

81. Idem, *Mirqāt al-Mafātīḥ Sharḥ al-Mishkāṭ al-Maṣābiḥ*, 11 jil. (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001), 1:269. Mawlānā ‘Abd al-Ḥayy al-Laknawī menyatakan bahawa sungguhpun hadis “*awwalu mā khalaqa Allāhu nūrī*” tidak dapat disabitkan, maknanya masih sah. Lihat Mawlānā ‘Abd al-Ḥayy al-Laknawī, *Al-Āthār al-Marfū‘ah* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994), 43.

82. Al-Haytamī, *Sharḥ al-Burdah al-Buṣayrī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2017), 449.

83. Petikan hadisnya ialah “*Law lā Muḥammad mā khalaqtu jannah wa lā nāran wa lā Ādam*.” Lihat *Al-Mustadrak ‘alā al-Sahīḥayn li al-Ḥakīm*, 6 jil. (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 2006), 2:615 dan Mullā ‘Alī al-Qārī, *Mirqāt al-Mafātīḥ*, 2:24.

84. Mullā ‘Alī al-Qārī, *Mirqāt al-Mafātīḥ*, 10:267.

85. Daripada pernyataan beliau itu, dapat difahami bahawa nama bagi *rūḥ* Nabi Muḥammad ialah *Aḥmad*.

86. Mullā ‘Alī al-Qārī, “*Al-Mawrid al-Rawī*,” dalam *Majmū‘ Rasā’il al-‘Allāmah al-Mullā ‘Alī al-Qārī*, 5:395.

87. Idem, *Al-Asrār al-Marfū‘ah fi al-Akḥbār al-Mawḍū‘ah* (Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1986), 387.

88. Idem, *Sharḥ al-Shifā’ li al-Qādī ‘Iyād* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2018), 509.

Dalam *Jam' al-Wasā'il fī Sharḥ al-Shamā'il li al-Tirmidhī*, Hind ibn Abī Hālah, yang mensyarahkan hadis penjelasan sifat fizikal Nabi Muḥammad, berkata: “Padanya *nūr* yang tinggi menaunginya (*lahū nūr ya lūhu*).”⁸⁹ Mullā 'Alī al-Qārī menjelaskan bahawa unsur *nūr* mempengaruhi Nabi Muḥammad SAW sehingga masuk ke dalam tubuh Baginda lalu menyerlahkan keindahannya. Cahaya yang terdapat pada tubuh Baginda itu kadang-kadang menyebabkan para sahabat tidak dapat melihat rupa bentuk sebahagian anggota badan Rasulullah SAW dengan jelas.⁹⁰

Mar'ī ibn Yūsuf al-Karamī al-Maqdisī⁹¹ (m. 1621 M) dalam *Nuzhat Nufūs al-Akhyār wa Matla' Shawāriq al-Anwār*⁹² dan *Bahjat al-Nāzīrīn wa Āyāt al-Mustadillīn* menyatakan bahawa pendapat yang masyhur di sisi jumhur ulama ialah makhluk pertama yang diciptakan oleh Allah ialah *Nūr Muḥammad*. Beliau turut menjelaskan penyelarasan antara riwayat-riwayat yang kelihatan bertindih, seperti hadis-hadis yang menyebut *al-Qalam*, *al-'Arsh* dan sebagainya sebagai makhluk-makhluk yang terawal.⁹³ Murtaḍā al-Zabīdī⁹⁴ (m. 1790 M), dalam *Ithāf al-Sādat al-Muttaqīn*, menyatakan bahawa ciptaan Allah yang pertama secara mutlak ialah *Nūr Muḥammad*, kemudian diikuti dengan air, *'Arsh* dan kemudiannya *al-Qalam*.⁹⁵

89. Idem, *Jam' al-Wasā'il fī Sharḥ al-Shamā'il li al-Tirmidhī* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2016), 51. Al-Munāwī dalam *ta'liq*-nya ke atas *Sharḥ al-Shamā'il* menyebutkan bahawa ungkapan “*nūr ya lūhu*” dalam hadis di atas bermakna “*bi-ghalabihī*,” iaitu cahaya yang dominan pada tubuh Rasulullah SAW. Lihat *Ta'liq al-Munāwī 'alā Jam' al-Wasā'il li Mullā 'Alī al-Qārī*, 2 jil. (Kaherah: 'Alā Nafqat Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Ikhwatih), 1:37.

90. Ibid.

91. Nama penuh beliau ialah Mar'ī ibn Yūsuf ibn Abī Bakr Aḥmad al-Karamī al-Ḥanbalī. Beliau dilahirkan di Tūlkarm, Palestin, dan meninggal dunia di Mesir. Kepakaran beliau merangkumi bidang fiqh, tafsir, hadis dan akidah. Antara guru utama beliau ialah Manṣūr al-Buhūtī, Muḥammad al-Mardāwī, Muḥammad Hijāzī dan lain-lain. Beliau menghasilkan sejumlah karya, antaranya *Bahjat al-Nāzīrīn wa Āyāt al-Mustadillīn*, *Farā'id Fawā'id al-Fikr fī al-Imām al-Mahdī al-Muntaẓar*, *Da'il al-Tālib li-Nāyil al-Matālib* dan *Shifā' al-Ṣudūr fī Ziyārat al-Mashāhid wa al-Qubūr* dan *Daf' al-Shubḥah*.

92. Mar'ī ibn Yūsuf al-Karamī al-Maqdisī, *Nuzhat Nufūs al-Akhyār wa Matla' Shawāriq al-Anwār* (Ammān: Amwāj li al-Nashr wa al-Tawzī', 2015), 55.

93. Idem, *Bahjat al-Nāzīrīn wa Āyāt al-Mustadillīn* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2015), 52.

94. Nama penuh beliau ialah Muḥammad ibn Muḥammad Murtaḍā al-Husaynī al-Zabīdī. Beliau dilahirkan di Uttar Pradesh, India, dan wafat di Kaherah, Mesir. Al-Zabīdī menguasai pelbagai bidang ilmu khususnya hadis, bahasa, tasawwuf, sejarah dan akidah. Beliau pernah bermukim di Yaman untuk tempoh yang panjang bagi menuntut ilmu di sebuah pusat keilmuan terkenal, Zabīd. Antara guru beliau ialah Shāh Walī Allāh al-Dihlawī dan ramai lagi. Beliau telah menghasilkan sejumlah karya penting dalam pelbagai bidang, antaranya *Tāj al-'Arūs min Jawāhir al-Qāmūs*, *Ithāf al-Sādat al-Muttaqīn*, *Asānīd al-Kutub al-Sittah*, *Uqūd al-Jawāhir al-Munīfah fī Adillati Madhhab al-Imām Abī Ḥanīfah*, *Muṣam al-Shuyūkh* dan *Alfiyyat al-Sanad*.

95. Murtaḍā al-Zabīdī, *Ithāf al-Sādat al-Muttaqīn*, 14 jil. (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2016), 8:281.

Muḥammad bin Ja‘far al-Kattānī al-Fāsi⁹⁶ (m. 1927 M) dalam kitab *Nazm al-Mutanāthir min al-Hadīth al-Mutawātir* menukilkannya daripada al-Amīr dalam *hāshiyah*-nya ke atas *Ḥawāshī al-Laqqānī* bahawa hadis-hadis berkenaan makhluk pertama yang diciptakan Allah bertaraf *mutawātir* meskipun riwayat-riwayat tersebut menyebutkan beberapa makhluk yang awal, iaitu *Nūr Muḥammad*, *al-‘Arsh*, *al-Yārā‘*, *al-Qalam*, air, *rūh* dan *‘aql*. Beliau berkongsi pendapat dengan beberapa ulama di atas dalam menjelaskan bahawa keawalan *Nūr Muḥammad* itu ialah keawalan yang mutlak, manakala keawalan makhluk-makhluk lain ialah keawalan yang relatif, yakni semua perkara selain *Nūr Muḥammad* diciptakan selepasnya.⁹⁷

Pendapat yang sama juga diutarakan olehnya dalam *Jalā’ al-Qulūb*, iaitu *Nūr Muḥammad* ialah ciptaan pertama dan kewujudan seluruh alam menjadi zahir daripada *nūr* Baginda. Beliau turut membawakan sebuah hadis riwayat ‘Umar bin al-Khaṭṭāb yang berkata: “Rasulullah bersabda kepadaku: ‘Wahai ‘Umar, tahukah engkau siapakah aku? Akulah yang dijadikan perantara bagi perjanjian para Nabi dan Rasul, serta seluruh manusia berikrar akan kenabianku dan keistimewaanku.’”⁹⁸ Al-Kattānī menghuraikan hadis tersebut dengan nukilan daripada *Al-Mawāhib al-Ladunniyyah* karya al-Qaṣṭallānī bahawa para Nabi mendapat pancaran cahaya daripada kewujudan *rūh* Nabi Muḥammad. Hadis “Aku telah menjadi Nabi ketika Adam masih berada antara *rūh* dengan jasad” menjadi dalil bahawa *rūh* Nabi Muḥammad telah diciptakan sebelum sekalian *rūh* yang lain.

Justeru, tiada halangan untuk memahami bahawa *rūh* Nabi Muḥammad yang bersifat *nūr* itu merupakan makhluk pertama yang diciptakan oleh Allah.⁹⁹ Berkaitan dengan hal tersebut, Mawlānā Anwar Shāh al-Kashmīrī¹⁰⁰

96. Nama penuh beliau ialah Muḥammad ibn Ja‘far ibn Idrīs al-Kattānī, dilahirkan di Fez, Maghribi. Beliau merupakan seorang tokoh yang pakar dalam bidang hadis dan tasawwuf. Antara guru beliau ialah Ja‘far ibn Idrīs al-Kattānī (bapanya), Muḥammad ibn ‘Abd al-Wāhid al-Kattānī dan Muḥammad ibn ‘Abd al-Raḥmān al-‘Alawī, manakala karya-karya beliau merangkum *Kitāb Saḥawat al-Anfās wa-Muḥādathat al-Akyās min Man Uqbira min al-Ulamā’ wa al-Sulahā’ bi-Fās*, *Al-Azhār al-‘Aṭirat al-Anfās bi Dhikr Ba‘ḍ Mahāsīn Quṭb al-Maghrib wa Taj Madīnat Fās* dan *Nazm al-Mutanāthir min al-Hadīth al-Mutawātir*.

97. Muḥammad ibn Ja‘far al-Kattānī al-Fāsi, *Nazm al-Mutanāthir min al-Hadīth al-Mutawātir* (Kaherah: Dār al-Kutub al-Salafiyyah, t.t.), 172. Hadis ini juga diriwayatkan oleh Ibn ‘Ajjabah dalam karyanya *Al-Futūḥāt al-Ilāhiyyah fī Sharḥ al-Mabāḥiṭh al-Aṣḥabiyah* (Kaherah: ‘Alam al-Fikr, t.t.), 306.

98. Idem, *Jalā’ al-Qulūb min al-Asdā’ al-Ghaybiyyah bi Bayān Iḥāṭatihi bi al-Ulūm al-Kawniyyah* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2005), 131 dan 341.

99. Ibid.

100. Nama penuh beliau ialah Anwar Shāh ibn Mu‘azzam ‘Alī Shāh al-Kashmīrī al-Hindī, dilahirkan di Kashmir, India, dan meninggal dunia di Deoband, India. Beliau merupakan seorang ulama daripada keturunan Rasulullah, terkemuka dengan daya hafalannya yang luar biasa. Kepakaran beliau ialah bidang hadis dan fiqh. Antara guru beliau ialah Maḥmūd Hasan Deobandī, Rashīd Aḥmad Gangohī dan lain-lain. Antara murid beliau pula ialah Anzar Shāh al-Kashmīrī (anaknyanya), Manzūr Nu‘mānī, Manāzīr Aḥsan Gilānī, Muḥammad Tayyib Qāsimī dan Muḥammad Shafi‘ ‘Uthmānī. Karya-karya beliau merangkum *Mushkilāt al-Qur‘ān*, *Fayd al-Bārī ‘alā Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Anwār al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Al-‘Arf al-Shadhiy Sharḥ al-Tirmidhī*.

(m. 1933 M) dalam *Al-ʿArf al-Shadhīy Sharḥ al-Tirmidhī* menerima riwayat hadis yang dirakamkan oleh al-Ḥākim berkenaan keawalan *Nūr Muḥammad* dan diketengahkan oleh al-Qastallānī dalam *Al-Mawāhib*. Mawlānā al-Kashmīrī menjelaskan bahawa *Nūr Muḥammad* termasuk dalam *ikhtilāf* muktabar yang diakui oleh para ulama dalam perbincangan tentang kejadian terawal.¹⁰¹

ʿAbd Allāh al-Ghumārī¹⁰² (m. 1993 M) dalam *Al-Aḥādīth al-Muntaqāh fi Fadāʾil Sayyidinā Rasūlillāh* turut menjelaskan perihal hadis keawalan kenabian Nabi Muḥammad SAW ketika Nabi Adam AS masih berada antara *rūh* dengan jasad, bahkan sebelum sekaligus penciptaan. Menurut beliau, kedua-dua hadis ini menunjukkan bahawa *rūh* Nabi Muḥammad telah pun tercipta sebelum *rūh-rūh* lain. Namun, keawalan ini tidak boleh difahami sekadar sebagai keawalan dalam ilmu Allah, kerana tidak ada sesuatu pun yang mendahului sesuatu yang lain dalam ilmu-Nya; sebaliknya, status kewujudan setiap objek yang terkandung dalam ilmu Allah itu sama, iaitu sebagai objek ilmu (*maʿlūm*) sejak azali. Jika hadis tersebut hanya merujuk kepada kandungan ilmu Allah, maka sesiapa sahaja boleh mendakwa sebagai terawal sebelum alam tercipta dengan maksud sesuatu itu masih hanya “diketahui” dalam ilmu Allah dan belum terzhahir di alam nyata. Yang demikian itu tidak tepat kerana ketika sesuatu itu masih hanya terkandung dalam ilmu Allah, “kemenjadian secara zahir” (*taḳwīn*) belum berlaku padanya—pada tahap itu, sesuatu itu hanya dikenali sebagai kewujudan ilmiah (*wujūd ʿilmī*) dan bukan kewujudan nyata (*wujūd khāriḡī*).

Al-Ghumārī juga menjelaskan bahawa para sahabat yang bertanya tentang masa Rasulullah SAW menjadi Nabi sudah semestinya mengetahui bahawa kenabian Baginda telah sabit dalam ilmu Allah dan takdir-Nya—sebagaimana halnya segala perkara. Justeru, soalan tersebut diajukan untuk mengetahui sesuatu dengan lebih lanjut berbanding sekadar apa yang sudah mereka sedia ketahui. Tambahan lagi, sekiranya mereka bertanyakan sesuatu yang sedia jelas, maka soalan mereka boleh dianggap sebagai perbuatan yang

101. Anwar Shāh al-Kashmīrī, *Al-ʿArf al-Shadhīy Sharḥ al-Tirmidhī*, 5 jil. (Beirut: Dār Iḡyāʾ al-Turāth al-ʿArabī, 2004), 3:394, hadis no. 2155.

102. Nama lengkap beliau ialah ʿAbd Allāh ibn Muḥammad ibn Ṣiddīq ibn Aḡmad ibn Muḥammad ibn Qāsim ibn Muḥammad ibn ʿAbd al-Muʿmin al-Ḥasanī al-Idrīsī al-Ghumārī. Beliau dilahirkan di Tanjah (Tangier), Maghribi, dan merupakan seorang alim keturunan Rasulullah. Beliau tergolong sebagai salah seorang ulama hadis yang paling terkemuka pada abad ke-21. Kepakaran beliau ialah bidang hadis, usul dan fiqh. Antara gurunya ialah Muḥammad ibn Ṣiddīq al-Ghumārī (bapanya), Sayyid Aḡmad al-Ghumārī (abang kandungannya), Muḥammad Bakhīt al-Muḡīrī, Zāhid al-Kawtharī, ʿAbd al-Ḥayy al-Kattānī, al-ʿAbbās al-Bannānī dan lain-lain. Antara muridnya pula ialah ʿAbd al-Fattāh Abū Ghuddah, Sayyid al-Muntaṣir al-Kattānī, Muḥammad ʿAwwāmah, ʿAlī Jumʿah al-Miṣrī, Sāliḡ al-Jaʿfarī, Fārūq Ḥamadah, Muḥammad Ḥamid al-Ḥamawī, Ḥasan al-Batanūnī dan Maḡmūd Saʿīd Maḡdūḡ. Beliau merupakan seorang penulis prolific dan telah menghasilkan banyak karya, khususnya dalam bidang hadis, antaranya ialah *Fadāʾil al-Nabī fi al-Qurʿan*, *Nafḡat al-Ilāḡīyyah fi al-Salāḡ alā Khayr al-Bariyyah*, *Samḡr al-Sāliḡīn*, *Al-Qawl al-Masmūʿ fi al-Hijr al-Mashrūʿ*, *Jawāḡir al-Bayān fi Tanāsib Suwar al-Qurʿan*, *Bidāʿ al-Tafāsīr*, *Tamām al-Minnah fi Bayān al-Kḡṣāl al-Mujībah li al-Jannah*, *Khawāṡir Dīniyyah*, *Al-Aḡādīth al-Mukhtārāh* dan *Al-Kanz al-Thamīn fi Aḡādīth al-Nabī al-Amīn*.

sia-sia. Hadis yang dimaksudkan itu sebenarnya menerangkan keistimewaan khusus Rasulullah yang tidak dimiliki oleh para Nabi lain: bahawa Allah telah melimpahkan sifat *nubuwwah* kepada *rūh* Baginda ketika *rūh* Nabi Adam masih belum ditiupkan. Al-Ghumārī turut menyenaraikan lima hujahan yang menafikan pandangan “keawalan Nabi Muḥammad” sebagai sekadar tulisan takdir dan bukan sebagai penciptaan *rūh* secara nyata.

Al-Ghumārī juga menegaskan dalam fatwanya bahawa meskipun Hadis Jābir daripada *Muṣannaf ‘Abd al-Razzāq* merupakan riwayat yang tidak *thābit*, masih terdapat banyak hadis lain yang boleh dijadikan sandaran untuk memahami *awwaliyyat al-Nūr al-Muḥammadi* sebagaimana yang telah dinukilkan di atas.¹⁰³ Beliau juga mengatakan bahawa tidak menjadi masalah jika seseorang menggelar Rasulullah SAW sebagai *awwal khalq Allāh*, kerana perkara tersebut sudah pun terbukti.¹⁰⁴ Oleh itu, kedegilan dalam berpendapat bahawa hakikat Nabi Muḥammad hanya wujud setelah terciptanya Nabi Adam merupakan suatu kesalahan dan bertentangan dengan hadis yang sahih. Para ahli *Ṣūfī* juga telah berjihad bahawa hakikat Nabi Muḥammad mendahului kejadian seluruh makhluk lain. Oleh kerana perkara ini merupakan perkara yang termasuk dalam urusan ijtihad, maka mengingkarinya tidak berisiko menjejaskan akidah. Beliau juga menegaskan bahawa pengertian *awwaliyyat al-Nūr al-Muḥammadi* yang difahami oleh para ahli *Ṣūfī* tidak sama dengan kefahaman penganut-penganut agama lain.¹⁰⁵

Penutup

Berdasarkan perbincangan para *muḥaddithūn* yang menyokong konsep *awwaliyyat al-Nūr al-Muḥammadi* sebagaimana yang telah dipaparkan di atas, jelas bahawa kefahaman ini bukan hanya dipersetujui oleh para ahli *Ṣūfī*, bahkan oleh para *muḥaddithūn*. Tiada seorang pun daripada kalangan *muḥaddithūn* yang menyatakan bahawa *awwaliyyat al-Nūr al-Muḥammadi* bertentangan dengan hadis sahih; sebaliknya, perbincangan mereka tertumpu kepada maksud ciptaan pertama. Hasil penelitian mendapati bahawa tiada satu makhluk pun, selain *Nūr Muḥammad*, yang ditetapkan sebagai ciptaan pertama secara mutlak oleh para *muḥaddithūn*.

Sebaliknya, makhluk-makhluk lain seperti *al-Qalam*, *al-‘Arsh* dan air hanya disebut sebagai ciptaan pertama secara relatif dan bukan mutlak. Hal ini menunjukkan bahawa konsep *awwaliyyat al-Nūr al-Muḥammadi* memiliki asas dan sandaran yang kukuh, sebagaimana yang dihuraikan secara terperinci oleh ramai *muḥaddithūn*. Kefahaman tersebut bersandarkan banyak riwayat yang

103. ‘Abd Allāh bin Muḥammad bin Siddīq al-Ghumārī, *Al-Aḥādīth al-Muntaqāh fi Fadā’il Sayyidinā Rasūli Llāh* (Kaherah: Maṭba‘at Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1946), 5–8.

104. Maḥmūd Sa‘īd Mamdūh, *Mawsū‘at al-‘Allāmah al-Muḥaddīth Sīdī al-Sharīf ‘Abd Allāh al-Ghumārī*, 19 jil. (Kaherah: Dār al-Salām, 2016), 16:507–511.

105. Ibid.

mafhumnya diambil oleh para *muhaddithūn* bagi menegaskan hakikat *awwalīyyat al-Nūr al-Muḥammadi*. Kesepakatan mereka juga menunjukkan bahawa konsep *awwalīyyat al-Nūr al-Muḥammadi* ini benar kerana umat Islam telah dijamin tidak akan bersepakat atas sesuatu yang sesat. Fakta ini menangkis dakwaan sesetengah pihak bahawa konsep *awwalīyyat al-Nūr al-Muḥammadi* tidak berasaskan dalil dan nas yang sah dalam agama.

Rujukan

- Abdulfatah Haron. *Ahli Sunnah dan Wujudiyah-Batiniyah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018.
- Açıkgenç, Alparslan. *Islamic Scientific Tradition in History*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM, 2014.
- Al-‘Alā’ī, Ṣalāḥ al-Dīn Khalīl bin Kaykalādī. *Majmū‘ Rasā’il al-‘Alā’ī*. 6 jil. Kaherah: al-Fārūq al-Ḥadīthah li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr, 2007.
- Al-Anīs, Ibrāhīm. *Al-Muṣṣam al-Wasīṭ*. Kaherah: Maktabat al-Shurūq al-Dawliyyah, 2004.
- Al-‘Asqalānī, Ibn Ḥajar. *Al-Maṭālib al-‘Āliyah bi Ṣawā’id al-Masānid al-Thamāniyah*. 9 jil. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. *Islām and The Philosophy of Science*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), 1989.
- _____. *Prolegomena to the Metaphysics of Islām*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), 1995.
- Al-‘Aynī, Badr al-Dīn. *Umdat al-Qārī Sharḥ al-Bukhārī*. 25 jil. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid. *Mishkāt al-Anwār*. Beirut: ‘Ālam al-Kutub, 1986.
- Al-Ghumārī, ‘Abd Allāh bin Muḥammad bin Ṣiddīq. *Al-Aḥādīth al-Muntaqāh fī Fadā’il Sayyidnā Rasūl Allāh*. Kaherah: Maṭba‘at Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1946.
- Al-Haytamī, Shihāb al-Dīn Aḥmad Ibn Ḥajar. *Ashraf al-Wasā’il fī Fahm al-Shamā’il*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1998.
- _____. *Al-Fatāwā al-Kubrā al-Fiqhiyyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2018.
- _____. *Fath al-Ilāh fī Sharḥ al-Mishkāt*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2015.
- _____. *Itmām al-Ni‘mah al-Kubrā ‘alā al-‘Ālam bi-Mawlid Sayyid Wālad Ādam*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001.
- _____. *Al-Minah al-Makkiyyah fī Sharḥ al-Hamziyyah*. Beirut: Dār al-Minhāj, 2005.
- _____. *Al-Umdah fī Sharḥ al-Burdah*. Amman: Dār al-Fath, 2003.
- Ibn Fāris, Abū al-Ḥusayn Aḥmad. *Muṣṣam Maqāyīs al-Lughah*. Beirut: Dār Iḥyā al-Turāth al-‘Arabī, 2001.
- Al-Haytamī, Ibn Ḥajar. *Ashraf al-Wasā’il fī Fahm al-Shamā’il*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1998.
- Ibn al-Jawzī, Abū al-Faraj ‘Abd al-Raḥmān. *Bustān al-Wā’izīn wa Riyāḍ al-Sāmi‘īn*. Beirut: Mu’assasat al-Kutub al-Thaqāfiyyah, t.t.
- _____. *Mawlid al-‘Arūs*. Ṭanjah: Shākir al-Baqqālī, 2015.
- _____. *Al-Wafā’ bi Aḥwāl al-Muṣṭafā*. 4 jil. Bahrain: al-Majlis al-‘Alā li al-Shu’ūn al-Islāmiyyah, 2018.

- _____. *Ẓād al-Masīr*. Beirut: Dār Ibn Hazam, 2002.
- Ibn Kathīr, Ismā‘īl ibn ‘Umar. *Al-Bidāyah wa al-Nihāyah*. 8 jil. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2015.
- Ibn Manzūr. *Lisān al-‘Arab*. 15 jil. Beirut: Dār al-Ṣādir, 1883.
- Ibn Rajab al-Ḥanbalī, Abū al-Faraj ‘Abd al-Raḥmān. *Latā‘if al-Ma‘ārif fī mā li-Mawāsīm al-‘Am min al-Wazā‘if*. Beirut: Dār Ibn Kathīr, 1999.
- Al-Iṣfahānī, Al-Rāghib. *Mufradāt Alfāz al-Qur‘an*. Damsyik: Dār al-Qalam, 1992.
- ‘Itr, Nūr al-Dīn. *Manhaj al-Naqd fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*. Damsyik: Dār al-Fikr, 1979.
- Al-Jazarī al-Dimashqī, Muḥammad ibn Muḥammad. *‘Arf al-Ta‘rif bi al-Mawlid al-Sharīf*. Beirut: Dār al-Ḥadīth al-Kattāniyyah, 2010.
- Al-Kalābādhi, Abū Bakr. *The Doctrine of the Ṣūfīs* (al-Ta‘arruf li-Madhhab Ahl al-Taṣawwuf). Terj. A. J. Arberry. Cambridge: Cambridge University Press, 1935.
- _____. *Nuzhat Nufūs al-Akhyār wa Maṭla‘ Shawāriq al-Anwār*. Amman: Amwāj li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2015.
- Al-Kashmīrī, Anwar Shāh. *Al-‘Arf al-Shadhīy Sharḥ al-Tirmidhī*. 5 jil. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 2004.
- _____. *Fayd al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2005.
- Al-Kattānī al-Fāsī, Muḥammad ibn Ja‘far. *Jalā’ al-Qulūb min al-Asdā’ al-Ghayniyyah bi Bayān Iḥāṭatihī bi al-‘Ulūm al-Kawmiyyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2005.
- _____. *Nazm al-Mutanāthir min al-Ḥadīth al-Mutawātir*. Kaherah: Dār al-Kutub al-Salafiyyah, t.t.
- _____. *Al-Risālat al-Mustatrafah li Bayān Mashhūr Kutub al-Sunnah al-Musharrafah*. Beirut: Dār al-Bashā‘ir al-Islāmiyyah, 1993.
- Al-Kurdī, Muḥammad Amīn. *Tanwīr al-Qulūb fī Mu‘āmalat ‘Ulūm al-Ghuyūb*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1995.
- Al-Laknawī, ‘Abd al-Ḥayy. *al-Āthār al-Marfū‘ah fī al-Akhhār al-Mawḍū‘ah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1984.
- Makhlūf, Muḥammad bin Muḥammad. *Shajarat al-Nūr al-Zakiyyah fī Ṭabaqāt al-Mālikīyah*. Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Salafiyyah, 1931.
- Al-Mālikī Al-Bakrī al-Ṣiqillī, Abū al-Qāsim ‘Abd al-Raḥmān ibn Muḥammad. *Al-Dalālah ‘alā Allāh*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001.
- Al-Maqdisī Al-Karamī, Mar‘ī ibn Yūsuf. *Bahjat al-Nāzirīn wa Ayāt al-Mustadillīn*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2015.
- Mamdūh, Maḥmūd Sa‘īd. *Mawsū‘at al-‘Allāmah al-Muḥaddith Sīdī al-Sharīf ‘Abd Allāh al-Ghumārī*. 19 jil. Kaherah: Dār al-Salām, 2016.
- Mubārak, Zakī. *Al-Taṣawwuf al-Islāmī fī al-Adab wa al-Akhlāq*. Kaherah: Maṭba‘at al-Risālah, 1938.
- Muhammad Zainiy Uthman, Suleiman Boayo dan Mohd Hilmi Ramli, peny. *Thinking Framework*. Kuala Lumpur: RZS-CASIS, 2020.

- Al-Nabhānī, Yūsuf ibn Ismā'īl. *Al-Anwār al-Muḥammadiyyah min al-Mawāhib al-Ladunniyyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2009.
- Al-Naysabūrī, Abū Sa'd. *Sharaf al-Muṣṭafā*. 6 jil. Makkah: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah, 2003.
- Al-Qārī, Mullā 'Alī. *Al-Asrār al-Marfū'ah fī al-Akhbār al-Mawḍū'ah*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1986.
- _____. *Anwār al-Qur'an wa Asrār al-Furqān*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2013.
- _____. *Jam' al-Wasā'il fī Sharḥ al-Shamā'il li al-Tirmidhī*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2016.
- _____. *Maḥmū' Rasā'il al-'Allāmah al-Mullā 'Alī al-Qārī*. 8 jil. Istanbul: Dār al-Lubāb, 2016.
- _____. *Mirqāt al-Mafātīḥ Sharḥ al-Mishkāṭ al-Maṣābiḥ*. 11 jil. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2001.
- _____. *Sharḥ al-Burdah li al-Buṣayrī*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2017.
- _____. *Sharḥ al-Shifā' li al-Qādi 'Iyād*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2018.
- Al-Qastallānī, Shihāb al-Dīn Aḥmad ibn Muḥammad. *Al-Mawāhib al-Ladunniyyah bi al-Minah al-Muḥammadiyyah*. 4 jil. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 2004.
- Al-Qayṣarī, Dāwūd. *Sharḥ Fuṣūṣ al-Hikam*. Ed. Ḥassan Ḥassan Zādiḥ al-Āmalī. 2 jil. Qum: Mu'assasat Büstān Kitāb, 1387H.
- Al-Šāwī, Aḥmad. *Hāshiyat al-Šāwī 'alā Tafṣīr al-Ḥalālayn*. 4 jil. Beirut: Dār al-Jil, t.t.
- Al-Sakhāwī, Shams al-Dīn Muḥammad bin 'Abd al-Raḥmān. *Al-Qawl al-Badī' fī al-Salāt 'alā al-Ḥabīb al-Shafī'*. Taif: Maktabat al-Mu'ayyad, 1987.
- Al-Subkī, Taḥiy al-Dīn 'Alī bin 'Abd al-Kāfi. *Al-Sayf al-Maslūl 'alā man Sabb al-Rasūl*. Amman: Dār al-Faḥ, 2000.
- Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥmān. *Alfiyyat al-Suyūṭī fī al-Hadīth al-Musammā Nazm al-Durar*. Madinah: Maktabat al-Ghurabā' al-Athariyyah, t.t.
- _____. *Al-Baḥr alladhī Ḥakhar*. Madinah: Maktabat al-Ghurabā' al-Athariyyah, 1999.
- _____. *Al-Durar al-Ḥisān fī al-Ba'ḥ wa Na'im al-Jinān*. Kaherah: Dār al-Amīn, 1993.
- _____. *Al-Hāwī li al-Fatāwī*. 2 jil. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2000.
- _____. *Al-Ḥāmi' al-Ṣaghīr fī Aḥādīth al-Bashīr al-Nadhīr*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2004.
- _____. *Al-Khaṣā'is al-Kubrā*. 2 jil. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.
- _____. *Al-Maqāmāt al-Sundusiyyah fī al-Nisbah al-Sharīfah al-Muṣṭafāwiyyah*. Beirut: al-Maktabat al-'Asriyyah, 2009.
- _____. *Sharḥ Nazm al-Durar*. Madinah: Maktabat al-Ghurabā' al-Athariyyah, 1993.
- _____. *Al-Tā'zīm wa al-Minnah fī Anna Abaway Rasūl Allāh SAW fī al-Jannah*. Kaherah: Dār al-Jawāmi' al-Kalim, 2000.

- _____. *Unmūdḥaj al-Labīb fī Khaṣā'is al-Ḥabīb*. Madinah: Maktabat Shaykh al-Islām 'Arif Ḥikmat, 1995.
- Al-Tahānawī. *Kashshāf Iṣṭilāḥāt al-Funūn wa al-Ulūm*. 2 jil. Beirut: Maktabat Lubnān Nāshirūn, 1996.
- Al-Tilimsānī, Muḥammad bin Aḥmad bin Marzuq. *Janā al-Jannatayn fī Sharaf al-Laylatayn*. Kuwait: Dār al-Diyā', 2016.
- Al-Zabīdī, Murtaḍā. *Ithāf al-Sādat al-Muttaqīn*. 14 jil. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2016.